

قَتِيقَن تِيتَه

PETIKAN TITAH

"PERKEMBANGAN semasa menunjukkan bahawa bilangan kes pecah amanah dalam pengurusan kewangan adalah membimbangkan, walaupun cuma melibatkan jumlah kewangan yang kecil. Ini, termasuklah perbuatan memberi dan menerima rasuah. Perilaku atau amalan yang tidak berintegriti ini boleh saja menular dan melemahkan perkhidmatan awam jika tidak ditangani dengan tegas dan cepat."
- Titah Sempena Hari Perkhidmatan Awam Ke-21, Tahun 1436 Hijrah / 2014 Masihi.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسنى ايمان

MANISNYA IMAN

"TUHAN yang menciptakan aku maka Dialah yang mengurniakan hidayah kepadaku. Dan Dialah yang mengurniakan aku makan dan minum. Dan jika aku sakit, maka Dialah yang menyembuhkan aku."
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ash-Syu'ara, ayat 78 - 80.

Waktu Sembahyang

IMSAK
5.01

SUBUH
5.11

SYURUK
6.28

DUHA
6.51

ZUHUR
12.32

ASAR
3.44

MAGHRIB
6.32

ISYAK
7.41

Daerah Belait ditambah 3 Minit
dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 64 / BILANGAN 30

11 MAC 2019 / 1440 رجب 4

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

Brunei DPMM FC tumpaskan Geylang International FC



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat menyaksikan perlawanan di antara pasukan Brunei DPMM FC dan pasukan Geylang International FC pada Perlawanan Liga Perdana Singapura yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.
- Foto : Masri Osman (Lihat muka 3).

BND5.86 bilion diusulkan bagi Tahun Kewangan 2019 / 2020

Laporan : Haji Ahmad Haji Salim
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit



BANDAR SERI BEGAWAN, 9 Mac. - Sejumlah BND5,860,000,000.00 diusulkan bagi belanjawan kerajaan bagi Tahun Kewangan 2019 / 2020.

Jumlah tersebut dinyatakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, ketika membahas Rang Undang-Undang Yang Bergelar Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2019 / 2020 dan bagi memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud sesuatu tertentu.

Ke muka 13

Presiden Republik Korea adakan Lawatan Negara

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit,
Muhammad Asri Haji Awang Abas



PRESIDEN Republik Korea, Tuan Yang Terutama Moon Jae-in dan isteri, Puan Yang Terutama Kim Jung-sook bersama rombongan berada di negara ini bagi rangka Lawatan Negara selama tiga hari.
- Foto : Mohamad Azmi Awang Damit.

Ke muka 6

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 10 Mac. - Negara Brunei Darussalam dan Republik Korea telah menjalin hubungan diplomatik yang akrab dan sudah lama terjalin semenjak tahun 1984 lalu.

Persahabatan kedua-dua negara tersebut menyaksikan kerjasama dalam pelbagai bidang, termasuk ekonomi, tenaga, pendidikan, sektor Information and Communications Technology (ICT) dan pertukaran di antara masyarakat.



MAJLIS Khatam Al-Quran
semarakan
sambutan HK35 Muka 17

IKUTI KAMI DI



**APLIKASI
MUDAH ALIH
InfoDeptBN**



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Hotline : 2382891 / 2383400 Smb. : 217

Faksimile : 2381004

Layari Laman Web : www.pelitabrunei.gov.bn

Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh
Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu'
Wassalaamu 'Ala Asyrafil
Mursaleen, Sayyidina
Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH, beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua, dapatlah kita berkumpul di Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi bagi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelima Belas Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada hari ini.

Beta berharap majlis akan dapat bersidang dengan lancar dengan ahli-ahli dapat menyumbangkan buah fikiran yang bermanfaat untuk negara.

Persidangan selama beberapa minggu ini hendaknya mampu untuk menegenahkan perkara-perkara strategik demi kesejahteraan rakyat dan penduduk.

Antara agenda utama dalam persidangan ini ialah ahli-ahli majlis akan membahaskan Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara untuk Tahun Kewangan 2019 / 2020.

Beta penuh yakin peruntukan-peruntukan yang disediakan adalah benar-benar menepati keperluan negara.

Semua program dan inisiatif yang dirancang tidak lain bertujuan untuk meningkatkan lagi kualiti kehidupan rakyat.

Maka sehubungan ini, sistem pentadbiran perlulah diperkukuh termasuk dasar-dasar dan peraturan-peraturan juga sentiasa dikemas kini supaya lebih telus dan berkesan.

Beta mengambil maklum Ahli-Ahli MMN khususnya mereka yang dilantik telah mengadakan permuakarah dengan kementerian-kementerian, termasuk mengadakan lawatan-lawatan bagi mengetahui secara lebih dekat akan kedudukan projek-projek yang telah dilaksanakan oleh kerajaan sama ada melalui Pelaburan Langsung Asing (FDIs), Public Private Partnership (PPP), syarikat-syarikat swasta dan syarikat-syarikat yang berkaitan dengan kerajaan (GLCs).

Dalam hubungan ini, beta ingin menasihatkan Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya jangan mengemukakan soalan-soalan yang sudah pun pernah dibincangkan berulang kali tetapi berbincanglah mengenai perkara-perkara baharu seperti bagaimana menjana ekonomi dengan cara merencanakan lagi aktiviti-aktiviti mempelbagaikannya selaras dengan hasrat membina masa depan bangsa khususnya generasi muda.

Bercakap mengenai generasi, kita semua sedia maklum bahawa golongan belia adalah aset negara. Selaku ianya jentera pembangunan. Oleh itu, kementerian yang berkenaan hendaklah memastikan bahawa para belia itu diberikan suntikan semangat untuk meneruskan agenda pembangunan tanpa bosan-bosan.

Ini sesuai dengan kepesatan teknologi yang membawa perubahan besar dalam kehidupan termasuk kemajuan industri digital yang memfokus kepada *internet of things artificial intelligence* dan seumpamanya di mana Fourth Industrial Revolution akan menjadi salah satu agenda utama dalam memperkasa masyarakat khususnya masyarakat penuntut,

Kaji, cari jalan penyelesaian isu pengangguran



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Permesyuaratan Ke-15 Majlis Mesyuarat Negara pada Khamis, 30 Jamadilakhir 1440 Hijrah bersamaan 7 Mac 2019 Masihi di Bangunan Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

peniaga dan pihak kerajaan sendiri termasuk akan mengubah landskap kehidupan seharian.

Meliputi pihak pengusaha, mereka juga perlu untuk mengambil kesempatan dari Digital Economy sambil meraih peluang dari perdagangan tanpa sempadan.

Menyentuh tentang ekonomi, Negara Brunei Darussalam tidak ketinggalan membina persekitaran yang kondusif di peringkat antarabangsa dengan menyertai beberapa perjanjian perdagangan bebas dengan rakan-rakan serantau dan antarabangsa bagi memberi peluang pasaran di negara-negara berkenaan.

InsyaaAllah tidak lama lagi negara akan memuktamadkan rundingan Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP), iaitu satu perjanjian kerjasama ekonomi di antara negara-negara ASEAN dan enam negara lain yang terdiri daripada Australia, China, India, Jepun, Korea dan New Zealand yang akan membuka pasaran perniagaan kepada lebih 3 bilion penduduk.

Dalam hubungan ini, peniaga-peniaga tempatan wajarlah memanfaatkan kesempatan dari perjanjian-perjanjian tersebut dengan menaik taraf kualiti produk dan meningkatkan daya saing masing-masing yang tentunya secara tidak langsung dapat menyumbang kepada hasrat negara mempelbagaikan ekonomi. Ini bertepatan dengan keperluan negara mempunyai *industry roadmap* bagi

kelangsungan ekonomi dan industri.

Bagaimanapun, kita sedikit rimas apabila sejak beberapa tahun kebelakangan ini pertumbuhan KDNK adalah kurang memberangsangkan berikutan dengan harga minyak global jatuh sedangkan sebahagian besar dari pendapatan negara bergantung kepada hasil minyak dan gas. Namun, Alhamdulillah terdapat sektor-sektor bukan minyak dan gas telah menunjukkan pertumbuhan positif seperti sektor perkhidmatan. Ini sudah barang tentu memerlukan Whole of Nation Approach kerana jika jentera pentadbiran paling hadapan yang dibarisi oleh jemaah menteri, timbalan menteri, setiausaha tetap dan pegawai-pegawai kanan kerajaan tidak menunjukkan kerjasama dan kesepakatan padu dalam merealisasikan Wawasan Negara, maka sudah pasti segala perancangan yang dibuat akan menjadi sia-sia.

Dalam fenomena berkaitan, kita terus bimbang dengan kadar pengangguran yang kian meningkat. Ini tidak boleh dipandang ringan kerana itu beta mahu supaya ia dikaji dan dicari jalan penyelesaian sama ada dalam jangka pendek mahupun jangka panjang, termasuk turut dikenal pasti ialah sejauh manakah sumber tenaga manusia dari pusat-pusat pengajian tinggi tempatan mahupun luar negara yang *marketable* dan relevan dengan situasi masa kini.

Ke muka 7

Dari Sidang
Pengarang.

11 MAC 2019 BERSAMAAN 1440 رجب 4

MENJAGA KELESTARIAN HUTAN, ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB SEMUA

NEGARA Brunei Darussalam merupakan antara beberapa buah negara di dunia yang mempunyai liputan hutan yang tinggi jika dibandingkan dengan ukuran keluasan negara secara keseluruhan. Ini setentunya amat membanggakan lebih-lebih lagi dalam keadaan dunia sekarang yang semakin lupa akan pentingnya menjaga kelestarian hutan untuk *survival* generasi penerus.

Kawasan hutan semakin berkurangan dek kerana memenuhi permintaan pembangunan dan ini secara tidak langsung memberi kesan kepada perubahan iklim.

Masalah utama kesan pembasmian hutan ialah kitaran karbon. Molekul gas yang menyerap haba sinaran infra merah dipanggil gas rumah hijau dan apabila rumah hijau mengeluarkan gas yang banyak, ini akan mengakibatkan perubahan iklim. Pembasmian hutan juga bukan sahaja mengurangkan jumlah karbon yang disimpan malahan ia juga mengeluarkan karbon monoksida ke udara.

Kesan-kesan lain disebabkan ialah kepupusan spesies. Dengan kehilangan habitat, haiwan, flora dan fauna akan menghadapi kepupusan kerana tidak lagi ada tempat habitat asal.

Pokok-pokok juga penting untuk kitaran air kerana ia menyerap air hujan dan menghasilkan wap air yang dibebaskan ke atmosfera dan juga mengurangkan pencemaran dalam air.

Dengan pembasmian hutan, ini juga akan memudahkan hakisan tanah. Dengan ketiadaan pokok-pokok, tanah akan mudah bergerak kerana ketiadaan akar yang boleh menahan pergerakan tanah, dan ini boleh membawa masalah kepada tumbuh-tumbuhan. Dengan hakisan tanah, ia juga boleh mengurangkan kualiti air kerana ia akan menyebabkan lumpur memasuki tasik, sungai dan sumber air lain.

Alhamdulillah, di negara ini, menjaga kelestarian hutan serta alam sekitar adalah agenda penting dalam Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Beberapa inisiatif dilaksanakan antaranya seperti inisiatif setiap hari tanpa beg plastik di gedung-gedung perniagaan dikenalkan secara berfasa bermula 26 Mac 2011 dan pada 1 Januari 2019, hasrat untuk setiap hari tanpa beg plastik dicapai.

Sementara itu, satu inisiatif lagi ialah Bandarku Ceria yang mula dikenalkan pada 2 Oktober 2016, di samping bertujuan untuk menghidupkan suasana Bandar Seri Begawan (BSB) dan menjadikannya sebagai sebuah bandar yang dinamik, *vibrant* dan unggul, ia juga merupakan inisiatif untuk merapatkan lagi pelepasan rumah hijau yang memastikan BSB bebas dari kereta pada setiap Ahad.

Banyak inisiatif dilaksanakan oleh Kerajaan Kebawah DYMM untuk memastikan alam sekitar dan habitat di negara ini terus dipelihara untuk kelangsungan kehidupan. Namun semua usaha tidak sepatutnya hanya diserahkan di bahu kerajaan akan tetapi setiap individu juga patut memainkan peranan masing-masing.

Mulakan kesedaran mengenai pentingnya menjaga alam semula jadi dari rumah. Salah satu langkah ialah dengan membuang sampah seperti botol plastik dengan mengumpulkannya dan dihantar ke perusahaan kitar semula. Malahan, kertas juga boleh untuk dikitar semula. Di samping itu, kurangkan penggunaan plastik kerana seperti yang diketahui, plastik mengambil masa kira-kira 1,000 tahun untuk diurai di tapak pelupusan sampah. Sementara itu, beg plastik mengambil kira-kira 10 ke 1,000 tahun dan botol plastik kira-kira 450 tahun atau lebih untuk diurai.

Walaupun ia nampak usaha kecil namun ia akan memberi impak yang besar kepada alam semula jadi. Marilah kita menjadi ahli masyarakat yang bertanggungjawab dan tanai sifat jangan camah mata. Memastikan kelestarian hutan dan alam semula jadi terus dipelihara adalah tanggungjawab semua, maka bertindaklah sekarang demi menjaga kepentingan kelangsungan kehidupan generasi ini dan masa depan. - **Ketua Penyuntingan (Ss).**

RAMALAN CUACA 3 HARI

ISNIN	SELASA	RABU
BANDAR SERI BEGAWAN		
31 24 °C	31 25 °C	32 25 °C
PEKAN BANGAR		
30 24 °C	31 25 °C	32 25 °C
PEKAN TUTONG		
31 24 °C	31 25 °C	32 25 °C
KUALA BELAIT		
30 24 °C	31 25 °C	32 25 °C

Wallahualam Bissawab
Jabatan Kaji cuaca
Brunei Darussalam
www.mef.gov.bn

Talian Cuaca
114

Brunei WX
App

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi MAC	HARI	Hijrah REJAB	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
11	ISNIN	4	5.01	5.11	6.28	6.51	12.32	3.44	6.32	7.41
12	SELASA	5	5.01	5.11	6.28	6.50	12.31	3.43	6.32	7.41
13	RABU	6	5.01	5.11	6.28	6.50	12.31	3.43	6.32	7.41
14	KHAMIS	7	5.00	5.10	6.27	6.49	12.31	3.42	6.32	7.41
15	JUMAAT	8	5.00	5.10	6.27	6.49	12.30	3.41	6.32	7.41
16	SABTU	9	4.59	5.09	6.26	6.49	12.30	3.40	6.32	7.41
17	AHAD	10	4.59	5.09	6.26	6.48	12.30	3.40	6.32	7.41

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN 991 | **POLIS** 993 | **BOMBA** 995 | **PENYELAMAT** 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

Brunei DPMM FC tumpaskan Geylang International FC



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima junjung ziarah sejourus berangkat tiba bagi menyaksikan perlawanan di antara pasukan Brunei DPMM FC dan pasukan Geylang International FC pada Perlawanan Liga Perdana Singapura yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.



ANTARA aksi pasukan Brunei DPMM FC (jersi merah) dan pasukan Geylang International FC (jersi biru) pada perlawanan yang berkesudahan pasukan Brunei DPMM FC memenangi perlawanan berkenaan dengan jaringan, 3 - 0 (atas, atas kanan dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mac. - Pasukan Brunei DPMM FC berjaya menumpaskan pasukan Geylang International FC dengan keputusan penuh 3 - 0 dalam Perlawanan Liga Perdana Singapura yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Berangkat menyaksikan perlawanan tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Juga berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Pada perlawanan tersebut, pembukaan gol tuan rumah menyaksikan pasukan Brunei DPMM FC mula membuka jaringan pada minit ke-22 melalui hantaran lintang daripada Shahrazen Said dan disempurnakan dengan tandukan Blake Ricciuto.

Seterusnya, pada beberapa minit perlawanan di separuh masa pertama, pasukan lawan yang sudah merasa tergugat itu terus mengatur strategi perlawanan mereka bagi percubaan untuk menyamakan gol namun gagal berbuat demikian dan terpaksa akur dengan pertahanan kukuh pasukan Brunei DPMM FC.

Sejourus memasuki perlawanan separuh masa kedua, pasukan Geylang International FC bijak mengatur beberapa serangan balas terhadap pasukan Brunei DPMM FC namun masih tetap gagal menjaringkan sebarang gol.

Sehingga pada minit ke-89

perlawanan, pasukan Brunei DPMM FC diberikan sepakan penalti berikutan pemain pasukan Geylang International FC telah mengasari pemain pasukan Brunei DPMM FC, Razimee Ramlli di dalam petak penalti.

Sejourus itu, pada minit ke-90 pasukan Brunei DPMM FC berjaya menambah gol kedua mereka menerusi sepakan penalti yang disudahi oleh Andrei Varankou.

Selang beberapa minit pada masa kecederaan, gawang pasukan Geylang International FC sekali lagi digegarkan dengan gol ketiga pasukan Brunei DPMM FC yang dijaringkan oleh Razimee Ramlli.

Hasil dari perlawanan tersebut, pasukan Brunei DPMM FC kini menduduki tangga kedua liga dengan kutipan enam mata.

Perlawanan seterusnya akan menyaksikan pasukan Brunei DPMM FC menentang pasukan Albirex Niigata FC pada Jumaat, 15 Mac ini di Stadium Jurong East, Singapura.



Brunei komited laksana inisiatif tangani perubahan iklim



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman bersabda pada Persidangan Isu-Isu Global Borneo (Borneo Global Issues Conferences - BGIC), Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB) Kali Ke-15.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah pada Sidang Kemuncak Iklim PBB pada tahun 2014, mengambil

maklum akan peristiwa-peristiwa cuaca yang melampau dan ancamannya dan menekankan bahawa 'kegagalan untuk bertindak secara tegas dan kolektif ketika ini mungkin membahayakan keselamatan, pembangunan dan kemakmuran

global'.

Pemimpin dunia yang lain juga telah menyeru tindakan segera bagi 'Tindakan Iklim' dan menandatangani Perjanjian Paris pada tahun 2016.

Titah Kebawah DYMM itu ditekankan semula oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman semasa bersabda pada Persidangan Isu-Isu Global Borneo (Borneo Global Issues Conferences - BGIC), Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB) Kali Ke-15 berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

YTM yang juga selaku Penaung Diraja BGIC ISB bersabda, persetujuan tersebut sangat signifikan kerana ia menyaksikan jumlah penandatangan yang terbesar setakat ini mengenai Perubahan Iklim, menunjukkan betapa seriusnya isu ini di beberapa buah negara yang berlainan di seluruh dunia.

Selaras dengan Perjanjian Paris itu, sabda YTM lagi, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memulakan beberapa inisiatif mengenai perubahan iklim ini sesuai dengan usaha mengekalkan 'Nadi Borneo' dan seperti yang dijanjikan dalam 'Intended Nationally Determined Contributions (INDC)' di mana Negara Brunei Darussalam telah meningkatkan rizab hutan yang diwartakan daripada 41 peratus

kepada 55 peratus daripada jumlah keseluruhan tanah negara.

Lebih-lebih lagi untuk mengurangkan penggunaan tenaga negara, YTM seterusnya percaya bahawa inisiatif seperti 'Bandarku Ceria' merapatkan lagi pelepasan rumah hijau di negara ini dengan memastikan Bandar Seri Begawan bebas dari kereta setiap pagi Ahad.

YTM menambah sabda bahawa Garis Panduan 'Energy Efficiency and Conservation (EEC)' bagi bangunan-bangunan kerajaan dan komersial juga digunakan untuk mengurangkan pembaziran elektrik yang tidak perlu.

"Pemimpin muda di negara ini terus menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs) seperti 'Green Brunei' mengemukakan Kem Iklim di Daerah Temburong dengan mendidik belia mengenai alam sekitar, perubahan iklim dan pembangunan mampan.

Pertubuhan NGO ini juga menghasilkan panduan yang mudah difahami mengenai pemasangan panel solar bagi pemilik rumah, membantu peralihan negara ke arah sumber tenaga yang boleh diperbaharui," sabda YTM.

Terdahulu, menyentuh mengenai tema persidangan

tahun ini iaitu 'Climate Action', YTM bersabda, ia adalah bersesuaian ketika negara, benua dan komuniti di seluruh dunia mengalami kesan-kesan perubahan iklim secara langsung.

"Kita melihat kesan-kesan ini dalam keadaan cuaca yang teruk, peningkatan paras laut, peningkatan gas-gas rumah hijau, gelombang haba dan bekalan air yang berkurangan yang semuanya menyumbang kepada perubahan iklim yang tidak dapat dipulihkan dalam sistem iklim planet kita," sabda YTM.

Sebagai pemimpin masa depan, sabda YTM, para peserta persidangan juga berperanan dalam memulihara planet, oleh itu YTM menyokong usaha dan komitmen perwakilan muda negara, atas usaha mereka mengikut jejak pemimpin dunia dalam perdebatan bermakna dan penyelesaian masalah secara kerjasama.

YTM juga bersabda menggalakkan para peserta persidangan agar menyuarakan pendapat mereka, serta bersikap terbuka dan kolaboratif semasa perbincangan dan meluangkan masa untuk mempertimbangkan gagasan dan keadaan yang berbeza dari orang lain dalam kumpulan masing-masing, sama seperti pemimpin dunia yang bijak mempertimbangkan perspektif negara-negara lain ke arah menghasilkan penyelesaian yang boleh dilaksanakan.

BGIC ISB Ke-15 bincang isu perubahan iklim

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Masri Osman



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan menerima junjung ziarah sejurus tiba di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (atas). Sementara gambar atas kiri dan kiri, Yang Teramat Mulia berkenan menyempurnakan penyampaian sijil-sijil penyertaan kepada wakil-wakil pelajar dari 25 buah sekolah yang menghadiri persidangan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mac. - Persidangan Isu-Isu Global Borneo (Borneo Global Issues Conferences - BGIC), Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB) Kali Ke-15 membincangkan isu-isu global yang kritikal, sambil memupuk persahabatan dan memperkukuhkan hubungan dalam kalangan peserta persidangan.

Berkenan berangkat bagi merasmikan persidangan tersebut

yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas di sini ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman selaku Penaung Diraja BGIC ISB.

Keberangkatan tiba YTM Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah dijunjung oleh Pengetua Eksekutif ISB, Puan Laura Thomas.

Dalam sembah alu-aluannya,

Puan Laura Thomas antara lain menyebarkan ISB berbangga memberikan kecemerlangan pendidikan selama lebih daripada 50 tahun di negara ini dan melahirkan rasa gembira bahawa persidangan seumpama ini menyediakan peluang belajar secara positif dan mengembangkannya rasa tanggungjawab dalam kalangan penduduk di negara ini mahupun global.

Dari muka 4

Majlis juga mendengarkan dua ucapan yang disampaikan oleh dua penceramah undangan, Hannah Testa dari Amerika Syarikat dan Rita Kimani dari Kenya serta diserikan dengan dua persembahan muzikal oleh vokalis dan band konsert ISB.

Pada majlis itu, YTM juga berkenan mengurniakan sabda dan seterusnya menyempurnakan perasmian persidangan. YTM seterusnya berkenan menyempurnakan penyampaian sijil-sijil penyertaan kepada wakil-wakil pelajar dari 25 buah sekolah yang menghadiri persidangan dan sijil penghargaan kepada penaja acara dan disusuli dengan bergambar ramai.

Dengan tema 'Climate Action', persidangan kali ini menghimpunkan lebih 300 penuntut dari beberapa buah sekolah di negara ini bagi membahaskan masalah-masalah serius global yang dihadapi yang



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman selaku Penaung Diraja Persidangan Isu-Isu Global Borneo (Borneo Global Issues Conferences - BGIC), Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB) berkenan menandatangani lembaran keberangkatan pada BGIC, ISB Kali Ke-15 (kiri), sementara gambar kanan, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri berkenan menyempurnakan penyampaian sijil penghargaan kepada penaja acara.

mempunyai kaitan dengan Pembangunan Matlamat Mampan (Sustainable

Development Goals - SDG), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Persidangan yang akan berakhir Isnin ini, 11 Mac akan membahaskan resolusi untuk meringankan dan memecah kesulitan mengenai isu Perubahan Iklim yang serius.



ANTARA yang hadir pada BGIS, ISB Kali Ke-15 (kiri), sementara gambar kanan, acara diserikan dengan dua persembahan muzikal oleh vokalis dan band konsert ISB.

Supa Save buka cawangan baharu



YANG Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menyempurnakan pembukaan rasmi cawangan baharu Pasar Raya Utama Brunei, Supa Save di One Riverside (atas), sementara gambar kanan, Yang Teramat Mulia bersama anakanda-anakanda YTM berserta kerabat diraja melihat produk-produk barangan yang terdapat di pasar raya tersebut.

Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam.

Turut berangkat anakanda-anakanda Yang Teramat Mulia berserta kerabat diraja.

Keberangkatan YTM dijunjung oleh Ketua Pegawai Eksekutif QAF Sendirian Berhad, Albert Lau dan Pengarah Urusan Smart Sdn. Bhd., Ky Lim.

Sejurus keberangkatan, Doa Selamat dibacakan oleh Awang Muhammad U'zaiz bin Zaini.

YTM Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah kemudiannya berkenan menyempurnakan majlis perasmian dengan memotong reben diikuti dengan menandatangani plak serta berkenan menerima pesambah dan seterusnya dijunjung melihat lebih dekat produk-produk barangan yang terdapat di pasar raya tersebut.

Lebih 20 tahun sejak pembukaannya, Supa Save menawarkan pelbagai pilihan produk berkualiti dan segar setiap



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

hari, merangkumi produk-produk gourmet dan organik dari United Kingdom dan Australia.

Para pelanggan, dengan pembelian minima juga diberikan belon percuma, beg jute dan kek hari jadi sempena pembukaan cawangan terbaharu itu.

Pasar raya berkenaan yang terletak di Pengkalan Gadong, menghadap Sungai Kedayan dan

Sungai Menglait merupakan cawangan pasar raya pertama yang mempunyai sebuah kafe, yang menawarkan pelbagai hidangan istimewa tempatan.

One Riverside merupakan pembangunan bersepadu pertama di Negara Brunei Darussalam. Maklumat lanjut mengenai talian +673 2650577.

KUMBANG PASANG, Sabtu, 9 Mac. - Pasar Raya Utama Brunei, Supa Save membuka cawangan terbaharunya di One Riverside, yang menandakan cawangan keempatnya di negara ini sejak

membuka cawangan pertama di Mabohai pada tahun 1997.

Pembukaan rasmi cawangan baharu pasar raya tersebut disempurnakan oleh Yang Teramat Mulia Pengiran Anak

Berangkat hadir Program Bola Jaring NETFIT



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat menghadiri Program Bola Jaring NETFIT anjuran Persatuan Bola Jaring Brunei (Brunei Netball Association - BNA) dengan kerjasama Bola Jaring NETFIT dari Australia (kiri). Sementara gambar kanan, antara peserta yang giat membuat latihan di bawah Jurulatih dari Australia.



Umur 21 Tahun bagi Kejohanan Belia ASIAN di Jepun.

Jane Searle merupakan pemain Bola Jaring Kebangsaan bagi Pasukan Kebangsaan Diamonds Australia serta Jurulatih Kebangsaan bagi pasukan Brunei di Kejohanan Bola Jaring ASIAN 2018 di Republik Singapura.

Sementara Sarah Wall pula merupakan pengasas dan juga pemilik Program Bola Jaring NETFIT di Australia, juga selaku pemain Bola Jaring Kebangsaan Elit selama 12 tahun bagi Queensland Firebirds, Melbourne Vixens, NSW Swifts dan Giant Netball, manakala Sarah Norton pula adalah dari Program Bola Jaring NETFIT yang juga sebagai jurulatih / pelatih dan akan menjadi jurulatih elit di Australia.

Melalui program tersebut, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah selaku Penaung Persatuan Bola Jaring Brunei juga berkenan menyertai senamrobik yang disertai lebih 120 peserta.

Menurut Jurucakap BNA, Cikgu Siti Rauufah binti Haji Omarali berkata program ini dikhususkan kepada para pemain bola jaring tempatan bagi mendapatkan latihan profesional dari jurulatih berpengalaman untuk menjadi pemain bola jaring yang baik, di samping sebagai senaman menggerakkan badan.

Berita dan Foto : Ihsan Media Permata

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 10 Mac. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal

Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat menghadiri Program Bola Jaring NETFIT anjuran Persatuan Bola Jaring Brunei (Brunei Netball Association - BNA) dengan kerjasama Bola Jaring NETFIT

dari Australia.

Program tersebut direka khas bagi sekolah-sekolah menengah yang terpilih di Negara Brunei Darussalam dengan tujuan untuk memperluaskan pengetahuan dan kefahaman dalam pembangunan bola jaring di sekolah-sekolah di negara ini.

Sesi latihan yang mengambil masa selama setengah hari itu

diadakan di Dewan Serbaguna, Stadium Negara Hassanal Bolkiah dan dikendalikan oleh Jurulatih berpengalaman dari Australia, iaitu Jane Searle, Sarah Wall dan Sarah Norton yang juga akan melatih Pasukan Kebangsaan bagi persediaan SEA Games yang akan diadakan di Republik Filipina nanti dan Pasukan Kebangsaan Di Bawah

Presiden Republik Korea adakan Lawatan Negara



KETIBAAN Presiden Republik Korea, Tuan Yang Terutama Moon Jae-in dan isteri, Puan Yang Terutama Kim Jung-sook dialu-alukan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong selaku Menteri Pengiring dan datin.

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit,
Muhammad Asri Haji Awang Abas

Dari muka 1

Hubungan tersebut terus dipereratkan lagi dengan Lawatan Negara Presiden Republik Korea, Tuan Yang Terutama Moon Jae-in dan isteri, Puan Yang Terutama Kim Jung-sook bersama rombongan yang selamat tiba di negara ini malam tadi.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) bagi mengalu-alukan ketibaan Tuan

Yang Terutama Presiden Republik Korea dan isteri ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong selaku Menteri Pengiring dan datin; Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong dan datin; dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato



TUAN Yang Terutama Presiden Republik Korea dan isteri melintasi Barisan Kawalan Kehormatan Statik yang terdiri daripada anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sejurus tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof dan datin; juga Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Yoon Hyun-bong.

Sebelum meninggalkan LTAB, TYT Presiden Republik Korea dan isteri melintasi Barisan Kawalan Kehormatan Statik yang terdiri daripada anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Presiden Republik Korea, TYT

Moon Jae-in dan isteri bersama rombongan kini berada di Negara Brunei Darussalam dalam rangka Lawatan Negara selama tiga hari, yang akan dimulakan dengan Majlis Sambutan Rasmi di Istana Nurul Iman, esok.

Kutip dana sambil amal gaya hidup sihat



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman hadir selaku tetamu kehormat pada Program Run & Ride for Humanity anjuran Kumpulan Syababul Iman Belia Masjid Sultan Sharif Ali (MSSA), Kampung Sengkurong, Jabatan Hal Ehwal Masjid dan Takmir MSSA, Kampung Sengkurong dan merasmikan pelepasan bagi acara berbasikal sejauh 19 kilometer (kanan dan kiri).

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 10 Mac. - Kumpulan Syababul Iman Belia Masjid Sultan Sharif Ali (MSSA), Kampung Sengkurong, Jabatan Hal Ehwal Masjid dan Takmir

MSSA, Kampung Sengkurong mengunakayahkan Program Run & Ride for Humanity bagi mengisikan Program Bandarku Ceria di Bandar Seri Begawan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Atur Cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai, diikuti dengan doa

dan senamrobik.

Acara kemudiannya diteruskan dengan tetamu kehormat dijemput untuk merasmikan perlepasan bagi acara berbasikal sejauh 19 kilometer, larian 3 kilometer dan 5 kilometer mengelilingi Bandar Seri Begawan, seterusnya tetamu kehormat turut menyertai larian 3 kilometer.

Tetamu kehormat kemudian dijemput untuk menyempurnakan penyampaian hadiah bagi Video Kreatif Terbaik dan Deklamasi Sajak dan penyampaian sijil penghargaan kepada wakil agensi-agensi yang memberikan kerjasama dalam pengendalian program berkenaan.

Ke muka 16



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar ketika menyampaikan buku rujukan bertajuk 'Dental Infection Control Manual' kepada salah seorang ketua klinik.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 10 Mac. - Antara aspek-aspek yang perlu diberikan perhatian khusus bagi mengawal jangkitan silang semasa pemberian rawatan pergigian adalah dalam penggunaan peralatan-peralatan ataupun instrumen-instrumen pergigian yang bersih dan steril.

Ini adalah sangat penting dan pengamal-pengamal pergigian mestilah mengetahui akan bahaya jangkitan virus seperti virus Hepatitis 'B', Hepatitis 'C' dan HIV yang boleh menjangkit daripada satu pesakit kepada pesakit lain jika peralatan ataupun instrumen yang digunakan tersebut dicemari dan tidak dibersihkan sebelum ia digunakan.

Perkara tersebut disuarakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar pada Majlis Pelancaran Dental Infection Control Symposium 2019 sempena Sambutan Hari Kesihatan Mulut Sedunia 2019, bertempat di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

"Jangkitan-jangkitan seperti ini adalah isu utama yang harus diambil perhatian. Tambahan lagi,

dengan perkembangan teknologi yang semakin maju, orang ramai sentiasa terdedah dan mudah terpengaruh untuk mendapatkan perkhidmatan rawatan pergigian yang diberikan oleh orang awam yang tidak berdaftar dan bertaualiah di media-media sosial yang menawarkan rawatan perkhidmatan pergigian. Misalnya seperti menawarkan pemasangan pendakap gigi palsu atau *fake braces*, ianya di rumah-rumah dengan menggunakan peralatan-peralatan dan instrumen-instrumen yang tidak diketahui tahap kebersihannya dan tidak steril. Malangnya, kebanyakan orang ramai yang menerima rawatan daripada orang yang menyamar sebagai pengamal pergigian ini, di kemudian hari terpaksa diberikan rawatan untuk menangani komplikasi-komplikasi yang timbul disebabkan oleh rawatan pergigian yang tidak betul, teratur mahupun bersih ataupun steril," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat juga difahamkan bahawa terdapat inisiatif-inisiatif lain yang telah dibuat termasuk inisiatif bagi mengawal jangkitan gigi melalui pembarigaan kepada orang ramai

mengenai kebersihan gigi secara umum, pembarigaan mengenai bahaya pendakap gigi palsu atau *fake braces* melalui tv dan radio juga mengambil tindakan ke atas orang awam yang menawarkan dan memberikan rawatan yang tidak bertanggungjawab dengan kerjasama pihak-pihak berkuasa tertentu.

Usaha-usaha seperti ini tekannya, perlulah diteruskan dan diperkukuhkan lagi bagi melindungi kesihatan mulut, khususnya dalam kalangan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat seterusnya menyeru kepada semua pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Pergigian khususnya, dan warga Kementerian Kesihatan amnya, untuk sama-sama dalam memberi kesedaran kepada orang ramai tentang penjagaan kesihatan mulut juga risiko jangkitan silang atau *cross infection*.

Ini tambahnya, akan dapat meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap perkhidmatan yang diberikan dan secara langsung dapat membantu mereka dalam melaksanakan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan dengan sebaik mungkin demi memantapkan lagi kualiti perkhidmatan yang diberikan ke arah yang lebih produktif dan cemerlang.

Pada majlis tersebut, Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga melancarkan buku rujukan bertajuk 'Dental Infection Control Manual' yang diagih-agihkan kepada pegawai-pegawai pergigian *in-charge* di setiap Klinik Pergigian Kerajaan di seluruh negara.

Seramai lima penceramah terdiri daripada para pakar dan pegawai pergigian tempatan dijemput untuk

Kawal jangkitan gigi melalui pembarigaan

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

membentangkan kertas kerja masing-masing pada simposium tersebut.

Turut diadakan pada majlis tersebut ialah pameran yang mengetengahkan perkhidmatan - perkhidmatan yang disediakan oleh Jabatan Perkhidmatan Pergigian seperti perkhidmatan pakar Pedodontik, Periodontik, Ortodontik, Endodontik, Prostodontik, Implan, Pembedahan Oral, Perkhidmatan bagi Warga Berkeperluan Khas, Penjagaan Mulut Asasi dan Promosi Kesihatan Mulut.

Tema bagi simposium itu, 'Bertenang, Utamakan Keselamatan' (Keep Calm, Safety First), yang mana memberikan penekanan terhadap kepentingan dalam aspek keselamatan semasa memberikan perkhidmatan dan rawatan pergigian kepada pesakit dan bagi semua profesional pergigian yang memberikan rawatan.

Jangkitan silang (*cross infection*) dapat dikawal dengan mempraktikkan budaya kerja Safety First, di samping untuk meningkatkan kesedaran para profesional pergigian mengenai kepentingan bagi pengawalan jangkitan silang, khususnya di Klinik-klinik Pergigian Kerajaan di seluruh negara melalui kaedah-kaedah seperti pensterilan peralatan pergigian, pembersihan dan pembasmian kuman (*disinfection*) persekitaran dan lain-lain aspek asas seperti pencucian tangan dan penggunaan kelengkapan perlindungan peribadi (*personal protective equipment*).

Simposium selama satu hari itu dihadiri oleh seramai 300 peserta, terdiri daripada Pakar Pergigian, Pegawai Pergigian, Jururawat Pergigian, Juruteknik Pergigian dan Pembantu Pergigian yang berkhidmat di Kementerian Kesihatan.

HASRAT NEGARA

Dari muka 2

Ini juga adalah sebahagian dari kebajikan rakyat yang mesti diutamakan.

Menyebut kebajikan rakyat ini, turut terkandung ialah bantuan-bantuan dan subsidi-subsidi yang telah dihulurkan hendaknya, ia dilaksanakan dengan teratur supaya tidak berlaku ketirisan atau penyalahgunaan di kalangan penerima.

Akhir sekali, beta berharap Persidangan MMN pada tahun ini akan dapat memberikan lebih tumpuan

kepada perkara-perkara yang strategik bagi mengukuhkan lagi pencapaian-pencapaian negara. Ahli-Ahli Yang Berhormat juga diharapkan akan dapat mengemukakan pandangan-pandangan atau saranan-saranan di dalam semua bidang yang menjadi tanggungjawab kepada kerajaan tanpa tertentu kepada perkara ekonomi semata-mata.

Beta ucapkan selamat bersidang. Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Teliti perkara strategik, kembangkan ekonomi



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mac. - Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-15 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) hari ini juga meluluskan Usul Menjunjung Kasih di atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-15 MMN dan seterusnya berkenan

Laporan : Mohammad Rainie Haji Durani
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Muhammad Asri Haji Awang Abas

mengurniakan titah.

Semasa mempengerusikan sidang tersebut, Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib menjelaskan bahawa titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu amat telus dan amat jelas serta senantiasa prihatin terhadap kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk negara ini.

Titah baginda, tambah Yang Berhormat menyeru Ahli-ahli Yang Berhormat MMN ini untuk membuat pendekatan serta penelitian terhadap perkara-perkara strategik dalam usaha mempelbagaikan dan mengembangkan ekonomi sejajar dengan era yang negara hadapi.

Dalam memastikan usaha-usaha ini berjalan lancar, jelas Yang Berhormat, pihak-pihak yang berkenaan dan berkaitan diingatkan untuk terus menyediakan prasarana yang

lebih kondusif, di samping mengukuhkan *good governance* dalam semua aspek. Perkara ini termasuklah bantuan-bantuan dan subsidi-subsidi yang dihulurkan, dapat dimanfaatkan sebaiknya supaya ia tidak disalahgunakan.

Tambah Yang Berhormat lagi, isu pengangguran sewajarnya ditangani secara holistik, manakala belia selaku generasi pelapis negara hendaklah ditangani agar mereka ini lebih *marketable* dan relevan untuk meneruskan agenda pembangunan negara kerana sememangnya isu ini memerlukan *whole of nation approach*.

Oleh yang demikian, dalam Persidangan MMN Ke-15 ini, Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN menyeru agar Ahli-ahli Yang Berhormat lebih teliti dan melihat keadaan secara 360° yang merangkumi semua aspek bagi meningkatkan kualiti kehidupan rakyat dan demi mencapai Wawasan Brunei 2035.



YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib.

Kesepakatan penting realisasikan wawasan 2035

Laporan : Mohammad Rainie Haji Durani
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mac. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari menyatakan dalam melaksanakan pendekatan of Nation Approach, jentera pentadbiran paling hadapan dibarisi oleh jemaah Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai kanan Kerajaan hendaklah menunjukkan kerjasama dan kesepakatan padu dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035, jika tidak maka sudah pasti segala perancangan yang dibuat akan menjadi sia-sia.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin turut menjelaskan bahawa dalam barisan hadapan itu juga termasuk Penghulu dan Ketua Kampung di seluruh negara yang dalam kalangan Penghulu dan Ketua Kampung itu terdapat wakil-wakil daerah sebagai Ahli-ahli MMN.

Tambahnya ketika mengemukakan sokongan ke atas Usul Menjunjung Kasih, pelaksanaan skim baharu Penghulu dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam, perkhidmatan secara drastik ditamatkan perkhidmatan kerana pentafsiran skim baharu yang sepatutnya

dikira 10 tahun ke hadapan tetapi dikira 10 tahun kebelakangan. Sesuatu yang sangat mendukacitakan dan jentera perkhidmatan kepada orang ramai juga akan terjejas.

Yang Berhormat turut mengusulkan supaya skim Penghulu dan Ketua Kampung dinilai semula yang menjadikan jawatan Penghulu dan Ketua Kampung bukanlah jawatan berkontrak seperti Skim 2013 yang memperuntukkan perkhidmatan 5 atau 10 tahun sahaja yang mendatangkan dukacita kepada Penghulu dan Ketua Kampung pada masa kini.

"Jawatan Penghulu dan Ketua Kampung adalah jawatan tradisi yang patut dikekalkan seperti mana ia telah berkurun dan berabad secara tradisi juga pada kebiasaannya Penghulu dan Ketua Kampung dikurniakan gelaran sebagai 'Manteri Darat'," jelas Yang Berhormat pada hari kedua Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-15 MMN di Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Tambahnya, walaupun zaman sudah berubah tetapi jawatan Penghulu dan Ketua Kampung patut dipertahankan seperti awalnya, sepertimana peruntukan dalam peruntukan Skim 2013, maka dipohonkan jawatan yang dikira sebagai berkuota itu, tangga gaji bukanlah sesuatu yang biasa. Ia sesuatu jawatan yang luar biasa kerana jawatan ini adalah melalui suara ramai, melalui undian yang mana ini mencerminkan negara kita melaksanakan sistem demokrasi.

"Sistem demokrasi inilah yang menjadi kebanggaan kita di mata antarabangsa. Dalam perlembagaan sendiri memperuntukkan pelantikan wakil-wakil daerah sebagai Ahli-ahli MMN yang dipilih melalui undian dalam kalangan pemimpin akar umbi," jelas Yang Berhormat.

Wadah menyumbang buah fikiran bermanfaat

Laporan : Mohammad Rainie Haji Durani
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Muhammad Asri Haji Awang Abas

Darussalam pada Istiadat Pembukaan Rasmi Bagi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-15 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) mengandungi banyak nasihat, peringatan dan pandangan jauh yang jelas menggambarkan kebijaksanaan dan kewibawaan baginda selaku pemimpin negara yang senantiasa prihatin dan mengutamakan kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat.

Ketika menyembahkan Usul Menjunjung Kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada hari kedua Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-15 MMN, Yang Berhormat menegaskan bahawa titah Kebawah DYMM turut menyentuh mengenai kepentingan dan peranan mesyuarat tersebut sebagai wadah bagi Ahli-ahli MMN menyumbangkan buah fikiran yang bermanfaat untuk negara, di samping mengetengahkan perkara-perkara strategik, demi kesejahteraan rakyat dan penduduk.

Yang Berhormat berharap apa jua perkara yang ditimbulkan dan dibincangkan hendaklah mengambil kira kepentingan negara dan keharmonian bermasyarakat, agar ia tidak akan menimbulkan sebarang isu yang boleh disalahertikan oleh masyarakat setempat atau

antarabangsa.

Perkara tersebut amat penting untuk diambil perhatian oleh Ahli-ahli MMN, dan jadikan sebagai sandaran dan panduan dalam perbincangan di dalam Majlis berkenaan.

Yang Berhormat menambah, Kebawah DYMM juga menyentuh mengenai agenda utama persidangan, iaitu perbincangan mengenai Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara untuk Tahun Kewangan 2019 / 2020, di mana baginda penuh yakin bahawa peruntukan-peruntukan yang disediakan adalah benar-benar menepati keperluan negara, dan semua program dan inisiatif yang dirancang.

Jelas Yang Berhormat, titah baginda tidak lain adalah bertujuan untuk meningkatkan lagi kualiti kehidupan rakyat yang mana semua kementerian disarankan untuk menggunakan peruntukan-peruntukan yang disediakan dengan sebaik-baiknya sepertimana yang dihasratkan oleh baginda.

Yang Berhormat juga menyeru agar semua Ahli-ahli Yang Berhormat sama-sama menanai dan menghayati intisari titah Kebawah DYMM dan seterusnya menunaikan kewajipan yang diamanahkan oleh baginda kepada semua dengan ikhlas dan penuh tanggungjawab.



PENASIHAT Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Dato Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mac. - Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Dato Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim menekankan bahawa titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Tangani segera isu pengangguran



PENASIHAT Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mac. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad menyokong sepenuhnya usul menjunjung kasih yang telah dicadangkan oleh Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di

Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim dalam menyebarkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bercemer duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-15 MMN pada Khamis lepas dan berkenan mengurniakan titah di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Menyentuh mengenai titah baginda yang menyebut bahawa para belia untuk terus diberikan suntikan semangat meneruskan agenda pembangunan tanpa bosan-bosan Yang Berhormat menjelaskan, para belia bersedia untuk menyahut apa saja seruan negara dan menyambut apa jua tanggungjawab yang bersesuaian untuk mengharungi masa depan untuk Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat juga menekankan, janganlah dibiarkan sampai ada yang tercicir untuk

Laporan : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Muhammad Asri Haji Awang Abas

melibatkan diri dalam pembangunan negara kerana beberapa perkara yang terlalu lama belum ada penyelesaian.

Sebagai contoh jelas Yang Berhormat, para belia yang bekerja di peringkat swasta dan baru-baru ini telah diketahui rakyat tempatan telah menandatangani kontrak i-Usahawan bersama syarikat swasta yang diuruskan oleh belia sendiri.

"Namun, kadang-kadang sedih jua mendengar dari para belia kitani yang sebenarnya tidak kisah berpendapatan kecil kerana ingin menimba pengalaman kerja atau berbisnes, namun kerana tidak ada pengangkutan awam yang efektif mereka tidak dapat hadir bekerja pada waktu yang ditetapkan, ataupun proses yang diperlukan apa jua permohonan mereka mengambil waktu yang lama untuk menjalankan perniagaan," jelas Yang Berhormat.

Adalah menjadi harapan Yang Berhormat, supaya usaha-usaha menangani pengangguran dapat

diselesaikan secepatnya, dengan mengkaji semula apakah remedi yang patut dibuat daripada terus menyaksikan kadar pengangguran semakin meningkat disebabkan ekonomi yang merudum, prosedur-prosedur yang mengambil masa terlalu lama atau perancangan sumber tenaga manusia yang belum padu.

"Mengetahui *marketability* pekerja-pekerja kitani, saya menyeru supaya kitani memberi fokus kepada *lifelong learning*. Apakah usaha kitani untuk memberi peluang pekerja-pekerja biasa yang tidak memerlukan kelulusan tinggi seperti buruh ataupun pemandu, dapat meningkatkan kemahiran mereka mengambil kursus *reskilling* atau *upskilling* seperti contoh pengurusan pejabat atau pun juga menyambung pengajian? Alhamdulillah, sudah ada kursus *modular* ataupun kursus pendek disediakan, akan tetapi jika gaji mereka sebulan adalah jumlah yuran untuk modul tersebut, dan pilihan terpaksa dibuat untuk



membeli makanan di rumah ataupun belajar, setentunya belajar terpaksa diletakkan. Ini bukanlah kerana mereka tidak mahu akan tetapi tidak dapat," ujar Yang Berhormat.

Menyentuh mengenai Revolusi Industri 4.0 serta Digital Economy seperti yang dititahkan oleh Kebawah DYMM pada persidangan di tahun lepas, Yang Berhormat menyuarakan perlu disediakan *roadmap*, *blueprint*, *framework* ataupun apa jua usaha strategik di peringkat negara untuk ianya dapat dijadikan realiti untuk meningkatkan taraf kehidupan.

"Jika kitani melangkaui dan mungkin terlepas peluang Industri 1.0, 2.0 dan 3.0, namun, Industri 4.0 ini kitani tidak boleh tidak membiarkan ianya berlalu saja," tegas Yang Berhormat.

Memasarkan produk tempatan di peringkat antarabangsa

Laporan : Haniza Abdul Latif

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mac. - Pemberian subsidi dan bantuan perlulah diurus dengan betul dan jangan sampai berlaku ketirisan dan selaku rakyat dan penduduk Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kita mestilah bersyukur atas kemurahan hati

dan pemeduliaan baginda dalam meringankan kos sara hidup.

Ke arah ini, kajian dan penyelidikan perlulah dirancang dan dibuat dengan menggunakan kaedah yang berkesan supaya tidak berlaku salah guna pada oleh si penerima.

Perkara tersebut disuarakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat

Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman semasa Usul Menjunjung Kasih bagi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-15 MMN di hari kedua bertempat di Dewan Persidangan Majlis MMN, di sini.

Terdahulu itu, Yang Berhormat dalam Usul Menjunjung Kasih amat menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang merupakan satu titah yang berpandangan jauh lagi tulus dalam mengingatkan kita semua akan tanggungjawab untuk memfokuskan segala perbincangan mengenai perkara-perkara yang strategik yang boleh memberi kesan kepada kesejahteraan dan kemakmuran rakyat dan negara.

Menurut Yang Berhormat, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia adalah sangat signifikan dan relevan untuk dimengertikan, dilaksanakan dan dituai dengan penuh kejujuran, ketaatan, kesetiaan yang tidak berbelah bahagi.

Yang Berhormat seterusnya menyentuh mengenai dasar dan peraturan yang telah dititahkan oleh Kebawah DYMM yang mana merupakan perkara yang terpenting dalam memastikan urus takbir penyelenggaraan, pelaksanaan dan kepimpinan supaya semua ini dapat dikawal selia dan dilaksanakan dengan

cepat, betul serta tidak terkeluar daripada yang dihasratkan dengan bersistem.

"Kaola ingin juga menyentuh mengenai membina masa depan bangsa dan generasi muda. Hasrat baginda ke arah masa depan bangsa terutamanya generasi muda merupakan mesej yang terang dan nyata untuk kita sama-sama memainkan peranan dan komitmen yang tinggi dalam mempelbagaikan sosioekonomi aktiviti dan seterusnya memberikan dorongan semangat supaya mereka ini merupakan generasi penerus kemajuan negara yang kita cintai ini," ujarnya lagi.

Mengenai Regional Comprehensive Economy Partnership, Yang Berhormat berkata, dalam perkara ini langkah yang positif oleh kerajaan dalam memastikan peluang perniagaan bagi memasarkan produk tempatan di peringkat antarabangsa akan lebih terbuka luas dan seterusnya merupakan gelombang mempelbagaikan ekonomi negara bertepatan dengan *roadmap industry* negara.

Dalam menghadapi situasi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pula, Yang Berhormat menyatakan bahawa ia turut memberikan sedikit kesan kepada negara dan juga di peringkat global dalam mana semua pihak perlu bekerjasama dalam menghadapi situasi ini dan dengan kerja bersatu padu akan membolehkan Wawasan Brunei 2035 dicapai.

Dalam isu pengangguran Yang Berhormat menjelaskan, baginda



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

menyarankan supaya jangka masa pendek dan panjang dikaji dan diusahakan agar jalan penyelesaiannya tidak dipandang ringan dan mengenal pasti sejauh mana sumber tenaga manusia dan pusat pengajian tinggi tempatan dan luar negara yang *marketable* dan relevan dengan situasi terkini.

Isu yang berbangkit ini tambahnya, adalah tanggungjawab bersama untuk memastikan perkara yang disentuh oleh baginda itu ditangani dengan efisien dan efektif.

"Kaola ingin merumuskan daripada titah baginda harapan baginda untuk memastikan MMN pada tahun ini supaya dapat membincangkan perkara-perkara yang strategik, pencapaian negara dapat direalisasikan, dan juga harapan baginda kepada Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk kaola sendiri supaya dapat menyuarakan pandangan dan saranan di semua bidang yang bukan hanya menjurus kepada ekonomi malahan juga yang menjadi tanggungjawab kerajaan," ujar Yang Berhormat.



ANTARA pegawai dan kakitangan yang hadir pada persidangan berkenaan.



Kesihatan belia diberi penekanan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mac. - Kementerian Kesihatan turut mengambil peranan melalui dasar dan strategi bagi penyerapan kesedaran mengenai penjagaan kesihatan serta amalan cara hidup sihat, supaya belia-belia di negara ini sentiasa dalam keadaan sihat sejahtera dari segi fizikal dan mental, produktif dan

Laksana sistem berkesan

Laporan : Mohammad Rainie Haji Durani
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa memeduli hal kebajikan rakyat termasuklah berkenaan dengan bantuan-bantuan, subsidi-subsidi telah dilaksanakan dengan lebih teratur agar tidak berlaku ketirisan dan penggunaannya dalam kalangan penerima.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung ketika menyokong Usul Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim bagi menyebarkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang telah bercemer duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-15 MMN.

Yang Berhormat Awang Haji Umarali menjelaskan bahawa pihak-pihak yang berkenaan hendaklah sentiasa melihat kepada satu sistem pengurusan dan pelaksanaan yang telah berkesan dengan mengambil kira empat perkara iaitu: membantu, mendidik, menjana dan mandiri.

"Membantu kepada yang benar-benar berhak menerimanya. Mendidik dan memberi bimbingan sesuai dalam meningkatkan taraf hidup dan sosio-ekonomi keluarga yang berkenaan. Menjana perubahan atau hasil kepada skim bantuan yang diterima. Mandiri serta mampu mendirikan dan berjaya," jelas Yang Berhormat pada hari kedua Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-15

MMN di Bangunan Dewan Majlis di sini.

Tambah Yang Berhormat, dalam soal hala tuju belia, Kebawah DYMM tidak pernah lupa mengingatkan kita bahawa belia adalah aset negara dan semua usaha bagi meningkatkan keupayaan diri generasi muda ini hendaklah sentiasa diteruskan tanpa bosan. Perkara ini menunjukkan bahawa baginda sentiasa mengambil berat tentang soal belia di negara ini.

Beliau juga berharap agar program-program belia yang sedang dan yang akan dilaksanakan hendaklah dirancang dengan teliti, mempunyai hala tuju yang lebih perlu, lebih terarah dan secara bertanggungjawab dan secara berterusan serta yang penting ia diatur mengikut cara hidup rasa belia.

Sehubungan itu, jelas Yang Berhormat lagi, ia bukan hanya disasarkan kepada pihak kerajaan sahaja bahkan pihak swasta, NGO dan agensi akar umbi serta ibu bapa berperanan penting sebagai satu pasukan bergabung dan bekerjasama untuk mencari jalan menghasilkan acuan yang terbaik bagi membentuk para belia cemerlang di negara ini.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung.

Laporan : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Muhammad Asri Haji Awang Abas

dinamik untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Dasar pembangunan belia khusus dalam kesihatan turut mendukung penuh kepada pengukuhan pembangunan insan yang berkualiti dan berteraskan falsafah Melayu Islam Beraja.

Perkara tersebut ditekankan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar semasa menyokong sepenuhnya usul dan kandungan ucapan Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyebarkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke hadapan majlis baginda ke atas keberangkatan merasmikan Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-15, Majlis Mesyuarat Negara (MMN), bertempat di Dewan Persidangan MMN, Bangunan

Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis, di sini.

Terdahulu Yang Berhormat menambah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah mengenai golongan belia sebagai aset negara dan jentera pembangunan.

Baginda juga menitahkan kepentingan pendekatan *whole of nation* untuk negara mencapai matlamat Wawasan Negara.

Menurut Yang Berhormat, hasrat murni baginda ini ditani sepenuhnya, yang mana dalam sektor kesihatan, berlandaskan kerjasama pelbagai sektor dari agensi-agensi kerajaan, sektor swasta, badan-badan bukan kerajaan serta wakil-wakil dari masyarakat setempat, terus diperkukuhkan, khususnya dalam agenda terutamanya pencegahan dan pengawalan penyakit-penyakit tidak berjangkit dan juga yang berjangkit serta kesiapsiagaan negara menangani kesihatan awam.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar.

Yang Berhormat berharap semoga kerjasama dan kemuafakatan yang kukuh antara semua pihak menyumbang kepada menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai negara sihat sejahtera, sentiasa dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala dan menjadi negara Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur.

Hargai peranan generasi muda

Laporan : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mac. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin berkata, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mempunyai pengertian yang sungguh holistik, di mana untuk mencapainya memerlukan pendekatan secara menyeluruh ringkasnya 'Whole-of-Nation Approach'.

Menurut Yang Berhormat, baginda mengingatkan bahawa ini amatlah memerlukan kerjasama dan kesepakatan padu dari semua pihak, terutamanya jentera pentadbiran paling hadapan yang dibarisi oleh Jemaah Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Tetap dan Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan agar semua perancangan untuk merealisasikan Wawasan Negara tidak menjadi sia-sia.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan perkara itu dalam usul menjunjung kasih pada hari kedua Mesyuarat Pertama dari

Musim Permesyuaratan Ke-15 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat menambah, penekanan baginda terhadap peri mustahaknya peranan generasi muda sebagai aset negara, iaitu selaku jentera pembangunan juga adalah penting.

Oleh itu, kita perlu menghargai dan bersifat prihatin terhadap mereka agar para belia terbukti telah dan akan terus menyumbang kepada pembangunan negara secara menyeluruh.

"Sebagai misalan, kita sudah melihat pelbagai forum yang telah dikendalikan oleh NGO Belia, khusus untuk mengongsikan cadangan jalan penyelesaian kepada perkara yang berimpak tinggi dalam agenda negara, termasuk isu pengangguran, kemasyarakatan, alam persekitaran serta tatacara *re-skilling*, terutamanya dalam konteks Revolusi Industri Keempat serta Kesukarelawan," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga menjelaskan kepekaan para belia sebagai aset negara hendaklah digalas dan diambil kira dengan menyediakan peluang dan wadah yang bersesuaian, agar ianya dapat dimaksimakan dalam agenda berkepentingan di peringkat negara.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Sememangnya, tambah Yang Berhormat, apa pun inisiatif yang penting hendaklah turut melibatkan para belia untuk memberikan sumbangan fikiran, agar ianya akan lebih komprehensif dan menyeluruh.

"Ini amat diperlukan kerana dalam sama-sama menghadapi cabaran Revolusi Industri Keempat, semua pihak, terutamanya para belia, hendaklah bekerjasama sebagai satu pasukan ke arah memperkasa masyarakat, khasnya masyarakat penuntut, peniaga dan pihak kerajaan sendiri, termasuk akan mengubah *landscape* kehidupan seharian. *Actions and collaborations* bersama para belia *is our way forward*, tegas Yang Berhormat.



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mac. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud, dalam cadangan Usul Menjunjung Kasih menggesa Ahli-ahli Majlis untuk sama-sama mengamati-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sesungguhnya amat berwawasan, berfirasat dan penuh hikmat, mengandungi nasihat dan pengamatan tajam serta pandangan jauh baginda.

Yang Berhormat menjelaskan perkara tersebut semasa Mencadangkan Usul Menjunjung Kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas keberangkatan baginda Ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-15 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada 7 Mac lalu yang berlangsung di Dewan Persidangan Majlis MMN, di sini.

Yang Berhormat semasa Usul Menjunjung Kasih bagi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-15 MMN di hari kedua menjelaskan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia tersebut, dari yang tersurat yang tersirat begitu juga nasihat serta peringatan Kebawah DYMM mencerminkan dengan jelas keprihatinan dan kebijaksanaan baginda bagi memastikan kemakmuran dan

Kawal imbangan fiskal negara



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud.

kesejahteraan negara sentiasa terjamin terutama dalam menghadapi berbagai cabaran pada masa kini dan akan datang.

Dari penelitian Yang Berhormat, inti pati titah baginda tersebut berkisar antara lain perkara-perkara kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini yang sangat-sangat dekat di hati baginda dalam mana pandangan baginda amat jauh ke hadapan memikirkan bagaimana untuk meningkatkan lagi kualiti rakyat supaya rakyat dan penduduk negara ini tidak tercicir dalam arus kemajuan dan perubahan dunia.

Jelas Yang Berhormat, baginda menekankan tentang betapa pentingnya generasi muda untuk diperkasakan bagi maksud membangun negara kerana belia sebagai aset negara juga selaku jentera pembangunan dan mereka yang akan menggalas serta meneruskan agenda pembangunan.

"Baginda sekali lagi mengingatkan tentang *impact force industrial revolution* dan kesiapsiagaan kita untuk menghadapinya. Baginda pernah mengingatkan bahawa *force industrial revolution* ini akan mencabar kemahiran konvensional yang kita miliki dan setentunya memerlukan peningkatan kemahiran serta pembelajaran sepanjang hayat

sebagaimana titah baginda sempena menyambut Tahun Baharu Masihi 2019," ujarnya lagi.

Yang Berhormat seterusnya berkata, baginda juga melahirkan perasaan dan perhatian berat mengenai dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang kurang memberangsangkan.

Dalam pada itu menurutnya, baginda telah mempelopori jalan dengan membuat rundingan-rundingan di peringkat antarabangsa bagi membuka pasaran-pasaran luar negara, di samping itu menggalakkan dan mempelawa Foreign Direct Investment (FDI) ke Brunei.

Semua ini jelasnya, dilakukan tidak lain dan tidak bukan adalah untuk melihat pengusaha-pengusaha tempatan dapat mengambil peluang ini bagi melebarkan lagi perusahaan mereka sehingga ke peringkat antarabangsa.

Isu pengangguran juga tambahnya menjadi perhatian berat baginda yang mana baginda bertitah supaya ianya dikaji dan dicari jalan penyelesaiannya dan pihak-pihak yang tertentu perlu untuk mengenal pasti sejauh mana sumber tenaga manusia yang kita miliki sama ada lepasan pusat-pusat pengajian tinggi tempatan atau luar negeri, *marketable* atau *relevant*, iaitu menurut bidang kepakaran dan pengetahuan masing-masing dengan situasi yang dihadapi pada masa ini.

Yang Berhormat seterusnya menambah, baginda juga bertitah mengingatkan supaya bantuan-bantuan dan subsidi-subsidi yang dihulurkan oleh Kerajaan hendaklah dilaksanakan dengan teratur supaya tidak berlaku ketirisan atau penyalahgunaan.

Menurut Yang Berhormat lagi, Kebawah DYMM menekankan agar jentera kerajaan sentiasa mengukuhkan lagi tadbir urus dan *good governance* dalam semua peringkat dan sektor bagi memastikan kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai adalah yang terbaik, efisien, efektif dan yang

penting adalah mesra rakyat.

"Seiring dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istiadat Pembukaan Rasmi, Jabatan Perdana Menteri akan sentiasa mengemaskinikan dasar-dasar dan peraturan-peraturan termasuk dasar-dasar yang berkaitan dengan memudahkan perjalanan perniagaan atau *ease of doing business*," tambahnya lagi.

Keadaan ekonomi dunia katanya, dengan harga minyak yang belum stabil akan terus memberikan impak kepada peruntukan belanjawan negara yang mana perkara itu mencabar perancangan kita untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan (*sustainable*) dan keseimbangan fiskal dan untuk itu kita semua terpenggil untuk menjadikan sektor awam lebih cekap dan berkesan selain pengemaskinian dasar dan peraturan inisiatif lain yang sedang dilaksanakan oleh semua agensi kerajaan ialah *fiscal consolidation*, selain meneliti kesesuaian kaedah-kaedah seperti pengkorporatan atau perkongsian awam swasta.

Dalam jangka pendek ini ujarnya, kita perlu mengawal imbangan fiskal negara, di samping memastikan ekonomi akan dapat tumbuh secara konsisten.

Justeru tekannya, kita perlu kepada pendekatan bersepadu The Whole Of Nation Approach seperti yang baginda titahkan.

Usaha-usaha ke arah ini jelasnya, hendaklah digembleng bersama oleh sektor kerajaan, sektor swasta, seluruh rakyat dan penduduk kerana kita semua memainkan peranan yang sama mustahak untuk berkayuh sama-sama mengharungi lautan yang bergelora untuk mencapai matlamat yang sama.

Laporan : Haniza Abdul Latif

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Muhammad Asri Haji Awang Abas

Dalam kata lain ujarnya sektor kerajaan, swasta dan penduduk negara ini mestilah berganding bahu dan bekerja sebagai satu pasukan yang ampuh dan padu.

Tambahnya lagi, dalam sektor awam usaha-usaha dalam sedang giat dijalankan untuk mengisikan kekosongan-kekosongan jawatan semua agensi kerajaan, walau bagaimanapun, kapasiti pengisian jawatan terhad jika ia dijadikan sebagai jalan penyelesaian kepada isu pengangguran.

Kerajaan walau bagaimanapun katanya, sentiasa memberikan bantuan dan bimbingan kepada para usahawan dan mereka yang mempunyai keinginan menceburi bidang tersebut.

"Peluang bagi perkembangan perusahaan sudah terbuka luas untuk diceburi malah hingga ke peringkat serantau dan antarabangsa pasaran E-Dagang di rantau ASEAN misalannya mempunyai potensi untuk meningkat daripada USD30 bilion kepada USD200 bilion menjelang tahun 2025.

Sebagaimana yang baginda titahkan semasa menyambut Tahun Baharu Masihi, 2019 yang penting ialah kemahuan kita untuk menceburi bidang keusahawanan dan seterusnya meraih peluang-peluang yang ada," katanya lagi.

Kebawah DYMM pada titah Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan ke-15 MMN Tahun 2019 juga menekankan bahawa dalam persidangan itu mereka hendaklah mampu mengetengahkan perkara-perkara strategik demi kesejahteraan rakyat dan penduduk serta penekanan supaya Persidangan MMN pada tahun ini akan dapat memberikan lebih tumpuan kepada perkara-perkara yang strategik bagi mengukuhkan lagi pencapaian-pencapaian negara.

Negara perlukan tenaga manusia bijak IT



YANG Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad semasa menyampaikan usul menjunjung kasih.

Laporan : Marlinawaty Hussin

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mac. - Beberapa faktor perlu ditangani sebagai persiapan ke arah peralihan Revolusi Industri 4.0 termasuk keperluan infrastruktur yang melibatkan perkhidmatan jalur lebar yang berkelajuan tinggi.

Selain bersifat progresif, ia mestilah menyeluruh dan melingkungi segenap pelusuk negara.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad ketika berucap pada hari kedua dari Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-15 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang

berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat, negara juga akan memerlukan tenaga manusia yang bijak pandai dalam bidang IT dan teknologi yang diharapkan pembangunannya daripada generasi muda dan belia pada masa ini.

"Dengan adanya kelengkapan teknologi dan kemahiran tersebut, sudah setentunya barulah ada kesedaran dan persediaan kita ke arah sistem keselamatan teknologi siber.

"Antara faktor lain yang diperlukan ialah menggunakan platform dan kemudahan

pangkalan data terbuka atau dipanggil *open data* yang sentiasa dikemaskinikan dan berfungsi," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah, beberapa negara jiran telah melaporkan pertumbuhan ekonomi digital yang menghasilkan jumlah yang besar kepada negara.

"Contohnya di Malaysia, ekonomi digital menyumbang sebanyak 18.3 peratus kepada GDP negara tersebut pada tahun 2017 dan diramalkan mencecah 20 peratus pada tahun 2020.

"Kajian oleh Microsoft pula meramalkan bahawa produk dan perkhidmatan digital akan menjana sebanyak 60 peratus kepada GDP Singapura pada tahun 2021," jelas Yang Berhormat.

Pelaburan jana sumber manusia diberi keutamaan



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mac. - Kerajaan akan terus memberikan keutamaan kepada pelaburan untuk menjana sumber manusia yang kompeten dan *employable* untuk sama - sama menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Semasa menerangkan mengenai Fokus Belanjawan Ketiga bagi mendukung tema belanjawan Tahun Kewangan 2019 / 2020, di hari kedua Musim Permesyuaratan Ke-15 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis di sini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah menjelaskan, fokus berkenaan memberikan penekanan terhadap aspek perancangan pembangunan pendidikan negara yang dapat melahirkan lebih ramai lagi

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

pakar-pakar, profesional - profesional, usahawan-usahawan dan pemimpin-pemimpin di masa kini dan akan datang.

Yang Berhormat berkata, menurut Kajian Tenaga Kerja (KTK) 2017, kadar pengangguran di negara ini mencatatkan peningkatan dari 6.9% pada tahun 2014 kepada 9.3% pada tahun 2017, iaitu berjumlah 19,200 orang, yang mana sebanyak 44.3% adalah dikategorikan sebagai penganggur belia.

Sehubungan itu, bagi menanai titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam jelas Yang Berhormat, usaha kerajaan dalam mengurangkan kadar pengangguran di negara ini adalah merupakan salah satu agenda utama, khususnya dalam meningkatkan peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan dengan kerjasama agensi-agensi lain melalui pelaksanaan projek PPP, FDI dan industri yang sedia ada termasuk usaha Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, melalui JobCentre dan Strategic Planning Unit.

Dalam masa yang sama ujanjarnya, pendidikan latihan teknikal dan vokasional akan terus dilaksanakan bagi memastikan latihan-latihan yang diberikan adalah mengikut keperluan industri. Perkara ini adalah sangat penting untuk menggalakkan perkembangan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dan menjana peluang-peluang perniagaan baharu.

Di samping itu, jelas Yang Berhormat, usaha juga akan terus dilaksanakan antara lain dengan

penyediaan program-program seperti di Pusat Pembangunan Belia; Pusat Pembangunan Kapasiti; Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) bagi memperkasa belia-belie di negara ini untuk berdikari dan mempunyai kemahiran keusahawanan agar dapat mengurangkan kebergantungan kepada pihak kerajaan sebagai majikan.

Yang Berhormat menambah, beberapa peruntukan telahpun disediakan bagi mendukung fokus berkenaan, iaitu bagi membiayai program-program latihan yang diberikan peruntukan sejumlah BND15.9 juta. Dari jumlah berkenaan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) disediakan sejumlah BND1.75 juta di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, sementara Pembiayaan Latihan menggunakan peralatan *simulator* di CAE MPTC disediakan secara keseluruhannya berjumlah BND14.2 juta.

"Bantuan kepada Belia-Belia dan Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs) sejumlah BND1.2 juta termasuk Bantuan-Bantuan (Grant) Keusahawanan Belia, Pembangunan Sukan, Kursus - Kursus Pusat Pembangunan Belia, Outward Bound Brunei Darussalam dan Bantuan Kewangan NGO untuk meningkatkan *employability* dan *marketability* belia-belie, meningkatkan perekonomian dan pembangunan negara, serta meningkatkan kerjasama dengan pihak-pihak yang berkepentingan melalui *Whole of Nation Approach*," terang Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri

Kewangan dan Ekonomi II.

Tambah Yang Berhormat, peruntukan juga disediakan untuk membangunkan sumber tenaga manusia yang berilmu pengetahuan di bawah sektor Pendidikan sejumlah BND29.8 juta, iaitu bagi penambahan 168 jawatan Tenaga Pengajar di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan peruntukan sejumlah BND2.3 juta; Perbelanjaan pemakanan penuntut-penuntut di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama sejumlah BND16.7 juta dan juga bagi mendatangkan tenaga pakar dan pengajar mahir untuk Program Latihan Literasi (English Language) dan Numerasi (Mathematics) sejumlah BND10.8 juta.

Manakala, bagi meningkatkan kesejahteraan penuntut-penuntut di dalam dan luar negeri, peruntukan bagi pemberian Biasiswa dan Elaun Penuntut akan terus disediakan sejumlah BND101.53 juta, iaitu bagi Biasiswa keseluruhannya sebanyak BND49.23 juta, di bawah Kementerian Pendidikan, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama manakala bagi Elaun Penuntut keseluruhannya disediakan



sebanyak BND52.6 juta di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Sementara itu sejumlah BND48.7 juta juga disediakan bagi meningkatkan kapasiti pegawai dan kakitangan di semua kementerian.

Beberapa peruntukan juga disediakan di bawah peruntukan Rancangan Kemajuan Negara (RKN) sejumlah BND70.5 juta, iaitu masing-masing bagi Pusat Pembangunan Kapasiti sejumlah BND36.6 juta; I-Ready sejumlah BND17 juta dan Pembinaan, menaiktaraf dan penambahan bangunan sekolah-sekolah kerajaan termasuk sekolah rendah, sekolah menengah, sekolah agama dan Arab, Sekolah Latihan Tentera Udara Diraja Brunei dengan peruntukan keseluruhannya berjumlah BND16.9 juta dengan Harga Rancangan BND66.9 juta.



TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh (dua, kiri) antara yang hadir pada persidangan tersebut.

Raih manfaat dari perkembangan globalisasi



MENTERI Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Md. Hussien.

Laporan : Mohammad Rainie Haji Durani
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mac. - Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Md. Hussien dalam sembah sokongan ke atas Usul Menjunjung Kasih antara lain menekankan bahawa dalam menangani agenda yang berkaitan dengan ekonomi, perindustrian, pengangguran, kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini, komitmen yang padu, dedikasi yang tinggi dan kesepaduan daripada semua pihak di seluruh lapisan masyarakat termasuk di peringkat akar umbi sangat didambakan.

Jelas Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat

Suny lagi, Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian juga tidak ketinggalan memainkan peranan, malah akan terus bertekad untuk memberi komitmen yang padu dan fokus dalam sama-sama menunaikan hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Impak ledakan pentas teknologi infokomunikasi masa kini memerlukan kita semua untuk lebih peka serta pantas bertindak terhadap isu-isu semasa. Dalam perkara ini kerjasama semua pihak sudah setentunya diperlukan agar ia akan dapat membantu dalam kita bertindak sebagai satu pasukan mengenal pasti cabaran-cabaran

yang mempunyai kesan terhadap ekonomi negara. Penjana pekerjaan untuk anak-anak tempatan, hal-ehwal kesejahteraan rakyat serta perkembangan industri di negara ini," jelas Yang Berhormat pada hari kedua Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-15 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Bangunan Dewan Majlis di sini.

Tambah Yang Berhormat, bagi Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, kementerian tersebut akan terus meneroka pendekatan-pendekatan yang inovatif dalam menangani cabaran-cabaran tersebut.

Di samping itu, jelas Yang Berhormat, Kementerian juga akan meneroka dan seterusnya mengambil langkah-langkah yang tertentu dalam meraih manfaat daripada rangkaian serantau dan antarabangsa bagi meningkatkan martabat Negara Brunei Darussalam (NBD) dari segi memperkasakan kompetensi

anak-anak tempatan, pembangunan perindustrian dan juga sektor tenaga.

Yang Berhormat turut menjelaskan bahawa negara juga perlu peka pada perkembangan dunia dalam bidang teknologi baharu agar NBD tidak akan ketinggalan dan seterusnya turut meraih manfaat dari perkembangan globalisasi yang pantas ini tanpa melupakan serta tidak bersikap leka terhadap unsur-unsur negatif yang mungkin boleh memberi kesan sampingan daripada teknologi-teknologi berkenaan.

Sebelum mengakhiri hujah beliau, Yang Berhormat turut menyeru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk sama-sama mengenal pasti strategi kaedah dan hala tuju yang terbaik sama ada ia berkaitan dengan agenda negara dalam bidang ekonomi, perindustrian mahupun cabaran pengangguran semata-mata untuk meningkatkan lagi kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini.

BND5.86 bilion diusulkan bagi Tahun Kewangan 2019 / 2020



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Dari muka 1

Dengan berkat kepimpinan dan kebijaksanaan raja yang berkeadilan, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tambah Yang Berhormat, kerajaan terus melaksanakan pembangunan sosioekonomi dan mempertingkatkan usaha-usaha untuk mewujudkan ekonomi

yang lebih dinamik, mampan dan berdaya tahan demi kesejahteraan dan kemakmuran negara yang berterusan.

Di majlis itu, Yang Berhormat menambah bahawa situasi pasaran minyak global sejak kebelakangan ini adalah tidak menentu dan ia akan terus memberikan impak kepada ekonomi negara yang masih bergantung tinggi pada sektor minyak dan gas sebagai sumber pendapatan kerajaan.

"International Monetary Fund (IMF), melalui World Economic Outlook keluaran Januari 2019, telah meramalkan bahawa pertumbuhan ekonomi dunia pada tahun 2018 adalah pada kadar 3.7%. Manakala 2019 dianggarkan menurun pada kadar 3.5%. Manakala bagi Ekonomi Negara Brunei Darussalam pula, pertumbuhan ekonomi diunjurkan akan meningkat 2.3% bagi tahun 2018 dan 5.1% bagi tahun 2019 pertumbuhan ekonomi diunjurkan akan meningkat 2.3% bagi tahun 2018 dan 5.1% bagi tahun 2019," ujar Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, menurut Yang Berhormat, terdapat beberapa risiko yang boleh menjejaskan perkembangan ekonomi global dan rantau ASEAN secara berterusan seperti impak-impak ketegangan politik dan perdagangan, perkembangan teknologi seperti Revolusi Perindustrian Ke-4 (Fourth Industrial Revolution) dan

kedudukan dasar monetari ekonomi negara maju. Risiko-risiko tersebut terangnya, juga boleh menjejaskan iklim, penarikan Pelaburan Langsung Asing (FDI) ke dalam negeri.

Beraskan kepada laporan Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, terangnya pertumbuhan ekonomi negara bagi tahun 2018 mencatatkan sebanyak 0.1%, iaitu lebih rendah dari yang diunjurkan oleh pihak IMF yang disebabkan tadi.

"Ini disebabkan pengucupan bagi sektor minyak dan gas pada kadar - 0.1% berikutan penurunan harga minyak dunia. Walau bagaimanapun, sektor bukan minyak dan gas menunjukkan pertumbuhan positif sebanyak 0.5% yang disumbangkan oleh subsektor pertanian 2.7%, subsektor penternakan 1.3% dan juga subsektor perdagangan borong dan runcit 1.4%," katanya.

Sementara itu kadar inflasi di negara ini kata Yang Berhormat, telah mencatatkan peningkatan sebanyak 0.1% bagi tahun 2018 berbanding -0.2% pada tahun 2017 yang sebahagian besarnya disebabkan oleh kenaikan 2.2% dalam indeks makanan dan minuman ringan.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa secara keseluruhan kadar inflasi bagi Negara Brunei Darussalam masih

terkawal dan *stable*. Sementara, keadaan fiskal kerajaan bagi Tahun Kewangan 2017 / 2018 masih merekodkan defisit berjumlah kira-kira \$2.2 bilion, iaitu 12.8% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar atau KDNK.

Manakala bagi Tahun Kewangan 2018 / 2019, menurut Yang Berhormat lagi kerajaan dijangkakan akan masih mencatatkan defisit walaupun harga pasaran minyak global meningkat bagi tahun 2018 pada prorata USD62.7 setong berbanding dengan harga pasaran dalam beberapa tahun sebelumnya dan seperti tahun-tahun yang lalu pendekatan Belanjawan Negara dirancang menjurus kepada pertumbuhan ekonomi secara berpanjangan.

Bagaimanapun, jelasnya, dalam konteks negara ini, pertumbuhan ekonomi tidak semestinya menyumbang kepada peningkatan pendapatan hasil kerajaan. Oleh itu, usaha yang lebih cekal perlu untuk mencapai keseimbangan belanjawan bagi memastikan kedayatahan dan kestabilan fiskal negara.

Yang Berhormat berkata, pelaburan terhadap sumber tenaga manusia juga akan terus dipertingkatkan bagi memastikan tenaga kerja dilengkapi dengan kemahiran dan kepakaran bagi menepati permintaan pasaran kerja Adaptable serta mempunyai produktiviti yang tinggi.

Usaha kerajaan ke arah mencapai keseimbangan belanjawan 'Balance Budget' pula tegas Yang Berhormat memerlukan pendekatan secara Whole of Government

Approach terhadap dasar fiskal *consolidation* yang telah mula dilaksanakan beberapa tahun yang lalu dan perlu untuk terus diberi perhatian yang serius.

Ke arah itu, ujar Yang Berhormat, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun memperkenankan satu garis panduan program *fiscal consolidation* bagi membantu setiap Kementerian untuk membentuk pelan *fiscal consolidation* masing-masing. Ini termasuk meneliti semula sumber hasil pendapatan dan perbelanjaan kerajaan dengan objektif utama untuk memfokuskan perbelanjaan ke arah aktiviti-aktiviti yang akan menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan penggunaan peruntukan yang lebih efisien.

Yang Berhormat berkata berasaskan kepada faktor-faktor yang telah dibentangkan itu, Anggaran Perbelanjaan Tahun Kewangan 2019 / 2020 termasuk peruntukan bagi Wang Kemajuan, dicadangkan keseluruhannya sebanyak BND5.86 bilion dan Anggaran hasil kerajaan bagi Tahun Kewangan 2019 / 2020 pula diunjurkan berjumlah BND4.36 bilion, di mana hasil dari sektor minyak dan gas dianggarkan kira-kira BND3.18 bilion.

Manakala sektor bukan minyak dan gas pula ujarnya, dianggarkan sebanyak BND1.18 bilion. Oleh itu, belanjawan negara bagi tahun 2019 / 2020 dijangka akan terus mengalami defisit berjumlah kira-kira 1.5 bilion.

Peruntukan jamin kesejahteraan, kebajikan sosial rakyat, penduduk

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mac. - Pelbagai kemudahan disediakan oleh kerajaan untuk terus memastikan kesejahteraan dan kebajikan sosial rakyat dan penduduk di negara ini, termasuk penyediaan keperluan dan perkhidmatan asas, seperti kemudahan pendidikan percuma, penyediaan perkhidmatan perubatan berkualiti serta pemberian subsidi bagi keperluan-keperluan asasi seperti beras, bekalan elektrik, minyak kenderaan, perumahan, bekalan air dan lain-lain.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah semasa menjelaskan mengenai fokus belanjawan keempat (Memelihara Kesejahteraan Awam) bagi tema belanjawan Tahun Kewangan 2019 / 2020 pada Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-15 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini menerangkan beberapa peruntukan disediakan bagi fokus belanjawan tersebut.

Yang Berhormat berkata, sejumlah BND9.5 juta dengan Harga Rancangan BND30 juta telah diperuntukkan bagi pembinaan masjid-masjid di

seluruh negara, iaitu bagi mendukung perkembangan syiar Islam dan ke arah menjadikan negara ini sebagai Negara Zikir.

Bagi perkhidmatan kesihatan pula tambahnya, peruntukan sejumlah BND100 juta untuk membiayai perbelanjaan pembelian ubat-ubatan dan perkhidmatan perubatan yang lain; Penambahan 85 jawatan doktor dalam bidang perubatan dan pergigian dan 129 jawatan dalam bidang kejururawatan dan pemeliharaan aset pula sejumlah BND27 juta bagi pemeliharaan Bangunan-Bangunan Pusat Kesihatan serta mesin-mesin perubatan.

Sementara bagi memperkembangkan lagi sistem pembekalan air, jelas Yang Berhormat, sejumlah BND3.9 juta disediakan untuk membiayai Projek Pembaikan Loji Rawatan Air di Bukit Barun Fasa 4 dan Fasa 5 di bawah Kementerian Pembangunan.

Bantuan kebajikan bulanan disediakan sejumlah BND14 juta (peningkatan sebanyak BND9.3 juta dari peruntukan Tahun Kewangan 2018 / 2019) di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Bagi meningkatkan penajaan kuasa elektrik, sejumlah BND95.4 juta disediakan di bawah Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Tenaga

(Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian.

Yang Berhormat seterusnya menghuraikan, peruntukan yang disediakan di bawah peruntukan Rancangan Kemajuan Negara, iaitu Projek Jambatan Temburong disediakan sejumlah BND294.3 juta dengan Harga Rancangan BND1.04 bilion.

Projek-projek bagi mengukuhkan dan menaik taraf rangkaian sistem elektrik disediakan secara keseluruhan sejumlah BND61.5 juta dengan Harga Rancangan BND217.7 juta.

Projek Perumahan Negara Kampung Lugu - Fasa 2 disediakan sejumlah BND18.7 juta dengan Harga Rancangan BND150 juta bagi membina 1,500 unit rumah.

Projek Sistem Pengangkutan Awam disediakan sejumlah BND10.5 juta dengan Harga Rancangan BND21 juta; Projek-projek bagi pengurusan saliran dan perlindungan pesisiran pantai dan pemetungan disediakan keseluruhannya sejumlah BND33.1 juta dengan Harga Rancangan sebanyak BND113.3 juta; dan Projek-projek pengurusan jalan raya disediakan sejumlah BND19.1 juta dengan Harga Rancangan sebanyak

BND99.5 juta.

Dengan kerjasama padu Majlis Ugama Islam Brunei; Kementerian Kewangan dan Ekonomi; Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Kementerian Pendidikan dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, usaha yang giat juga sedang dilaksanakan dalam penyediaan satu *centralised database* bagi program-program bantuan kebajikan yang dihulurkan oleh agensi-agensi berkenaan untuk mengelakkan ketirisan dan memastikan bantuan-bantuan yang diberikan adalah efektif.

Di samping itu, peruntukan-peruntukan khas juga disediakan di bawah Perkhidmatan Rampaian, Kementerian Kewangan dan Ekonomi bagi mendukung empat fokus utama tersebut, iaitu di bawah peruntukan Projek Fokus sejumlah BND18 juta dan Menangani Bencana Alam dan Wabak Penyakit sejumlah BND15.7 juta.

Yang Berhormat Menteri seterusnya menyimpulkan bahawa peruntukan yang disediakan perlu digunakan dengan lebih *forward-looking* dan menjurus kepada pertumbuhan bagi membantu negara ini menangani cabaran



masa kini dan masa hadapan.

Ini termasuklah dengan mempercepatkan pelaksanaan inisiatif-inisiatif PPP dan FDI demi untuk mencapai hasrat kepelbagaian ekonomi serta memastikan kedayatahan dan kestabilan fiskal, di samping mengurangkan kebergantungan kepada hasil dari Sektor Minyak dan Gas.

"Di sini kaola juga percaya, semua pihak yang hadir di dewan yang mulia ini mempunyai matlamat yang sama, iaitu ingin melihat negara kita ini menjadi sebuah negara yang maju dan aman dengan rakyat yang berdikari serta berinovasi. Oleh itu, kerjasama yang padu dari semua pihak adalah penting, bagi sama-sama membangunkan negara untuk memastikan kemakmuran terus dinikmati oleh rakyat dan generasi yang akan datang," terang Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew.

MAJLIS MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-15 MAJLIS MESYUARAT NEGARA (MMN) BOLEH DIBACA SETIAP HARI MELALUI LAMAN SESAWANG :

www.pelitabrunei.gov.bn
BAGI MENGETAHUI BERITA-BERITA PENUH.



IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI
www.recruitment.gov.bn

PERATURAN 7(A)
BILANGAN IKLAN 17/03/19 (SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN: 11 MAC 2019
TARIKH TUTUP: 25 MAC 2019

1. JURUKULTURA KEBUNAN
B.2 EB.3
BAHAGIAN II
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
KEKOSONGAN = SATU (01)

2. PENOLONG KERANI SULIT
D.3 EB.4-5
BAHAGIAN IV
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
KEKOSONGAN = TIGA (03)

PERATURAN 38(A)
BILANGAN IKLAN 23/2019 (SPA/BIKL)

Khusus bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN: 11 MAC 2019
TARIKH TUTUP: 01 APRIL 2019

1. PENOLONG PENGARAH PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN KERJA
KUMPULAN 2
BAHAGIAN I
JABATAN PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN KERJA
KEMENTERIAN PERTAHANAN
KEKOSONGAN = SATU (01)

2. JURUKUR BAHAN KANAN
B.3
BAHAGIAN II
JABATAN PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN KERJA
KEMENTERIAN PERTAHANAN
KEKOSONGAN = SATU (01)

PERATURAN 38(B)
BILANGAN IKLAN: 24/2019 (SPA/BIKL)

Khusus bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di kementerian/jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan.

TARIKH IKLAN: 11 MAC 2019
TARIKH TUTUP: 01 APRIL 2019

1. KETUA PEGAWAI SAINTIFIK (KAJI KUMAN)
M.15
BAHAGIAN II
KEMENTERIAN KESIHATAN
KEKOSONGAN = SATU (01)

UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan *Announcement* di www.recruitment.gov.bn

HELPLINE:

TALIAN DARUSSALAM 123



ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

PENDAFTARAN BAKAL-BAKAL REKRUT LELAKI PENGAMBILAN KE-165 ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

PENDAFTARAN sekarang dibukakan untuk menceburi kerjaya tentera sebagai bakal Rekrut Lelaki Pengambilan Ke-165 Angkatan Bersenjata Diraja Brunei mengikut syarat-syarat kemasukan yang telah ditetapkan.

Pendaftaran dibukakan bermula pada **Isnin, 11 Mac 2019** hingga **Jumaat, 29 Mac 2019, jam 11.00 Pagi**. Tempat pendaftaran di **Pejabat Pengambilan Jabatanarah Keanggotaan, B 11, Tingkat 1 & 2, Simpang 32 - 66, Flat Anggerek Desa**.

Tarikh dan Masa dibukakan adalah seperti berikut :

Isnin, Selasa dan Khamis
Pendaftaran
8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi
2.00 Petang hingga 3.30 Petang

Rabu
Pentadbiran dan Taklimat

Jumaat
Pentadbiran

Sabtu, Ahad dan Hari Kelepasan Awam
Tutup

Pemohon-pemohon mestilah berumur 18 tahun dan tidak melebihi 25 tahun (0 hari 0 bulan) sebelum latihan bermula pada 22 Julai 2019.

Pemohon-pemohon mestilah berpakaian kemas dan membawa risalah-risalah seperti berikut :

- Sijil Kelulusan Akademik Sekolah yang asal
- Kad Pengenalan asal
- Sijil Berhenti Sekolah

Tempat letak kereta :
Kawasan letak kereta berdekatan dengan kolam renang Anggerek Desa

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi :
Pejabat Pengambilan
Jabatanarah Keanggotaan
B 11 Tingkat 1 & 2
Spg 32-66 Flat Anggerek Desa

Telefon : +673 2383073 / +673 2383075

atau layari laman sesawang
<http://www.mindef.gov.bn>
atau
e-mel : FRO@mindef.gov.bn



KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan Sebut Harga :
KSSUP / BPK / SH / 01 / 2019 - 2020

KERJA-KERJA PEMELIHARAAN LANDSKAP BAGI KESELURUHAN KAWASAN, KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN

Tarikh Tutup Mengambil Borang Sebut Harga :
Isnin, 25 Mac 2019
(jam 2.00 Petang)

Tarikh Taklimat :
Isnin, 25 Mac 2019
(jam 2.30 Petang)

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis, 28 Mac 2019
(jam 2.00 Petang)

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dihadapkan kepada alamat berikut :

Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Tingkat Bawah,
Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Jalan Menteri Besar, BB3910
Negara Brunei Darussalam.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dalam sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bilangan / tajuk tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti syarikat pembekal.

4. Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta keterangan lanjut bolehlah diperoleh dari **Unit Bangunan, Bahagian Pengurusan dan Kewangan Tingkat 4, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Jalan Menteri Besar Negara Brunei Darussalam**

5. Harga dokumen tawaran akan dikenakan sebanyak BND10.00 (tidak dikembalikan) bagi setiap tawaran pada waktu bekerja :

Isnin hingga Khamis
8.30 Pagi hingga 11.30 Tengah Hari
dan
2.00 Petang hingga 3.00 Petang
Sabtu
8.30 Pagi hingga 10.30 Pagi

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah.

7. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan dan salinan kad pengenalan hendaklah disertakan bersama.



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

SYARAT-syarat untuk mengikuti tawaran kerja sebut harga adalah seperti berikut :

1. TAWARAN hanyalah dipelawa kepada syarikat-syarikat / pemborong-pemborong yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam. Sebahagian tawaran hendaklah berdaftar dengan Kementerian Pembangunan, menurut kelas-kelas dan kategori-kategori tertentu di Negara Brunei Darussalam sahaja, sepertimana yang dinyatakan di dalam iklan tawaran.

2. Tawaran-tawaran mestilah dibuat di atas borang-borang tawaran yang tercetak oleh kementerian ini dan penerangan lanjut bagi mengikuti sebut harga bolehlah datang terus ke **Bahagian Bangunan dan Pemeliharaan, Blok 'A', Bangunan Perdagangan Baitulmal, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Kota Batu, BD1517, Negara Brunei Darussalam**.

3. Para penender yang berhasrat untuk ikut serta dalam tawaran ini adalah disaran untuk mendapatkan maklumat, penerangan dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran.

(1)
BIL. TAWARAN :
KHEU / BDP/ 164 / 358 / 2018

TAJUK :
TERM CONTRACT (12 MONTHS) FOR LANDSCAPING MAINTENANCE WORKS TO INSTITUTE TAHFIZ AL-QURAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH, JALAN TUTONG, BRUNEI DARUSSALAM

TARIKH TUTUP :
RABU, 10 APRIL 2019, 2.00 PETANG

KELAS I & II DALAM
KATEGORI S 03 & KPB 12 SAHAJA

YURAN TAWARAN :
(TIDAK DIKENAKAN BAYARAN)



PUSAT LATIHAN KESENIAN DAN PERTUKANGAN TANGAN BRUNEI

(1A)
BILANGAN SEBUT HARGA
PLKPTB / P01 / P / 2019

KETERANGAN :
MEMBEKALKAN KEPINGAN PERAK
92.5% STERLING SILVER SHEET
Berukuran 793.5mm X 304.8mm
(i) 0.40mm (1001 Gram) - 5 Keping
(ii) 0.50mm (1252 Gram) - 5 Keping
(iii) 0.55mm (1377 Gram) - 5 Keping
(iv) 0.60mm (1502 Gram) - 5 Keping
(v) 0.70mm (1752 Gram) - 5 Keping

(1B)
BILANGAN SEBUT HARGA
PLKPTB / P01 / L / 2019

KETERANGAN :
MEMBEKALKAN KEPINGAN PERAK
92.5% STERLING SILVER SHEET
Berukuran 793.5mm X 304.8mm
(i) 0.40mm (1001 Gram) - 2 Keping
(ii) 0.50mm (1252 Gram) - 2 Keping
(iii) 0.55mm (1377 Gram) - 5 Keping

(2)
BILANGAN SEBUT HARGA
PLKPTB / S01 / P / 2019

KETERANGAN :
MEMBEKALKAN KAIN BELUDU
(i) BELUDU RAYON VELVET HITAM
- Jenis JB Martin, Crown double velvet 8000, 300 meter
(ii) BELUDU HYMILON BIRU TUA
- NY 4050 No.11, 300 meter
(iii) BELUDU HYMILON HITAM
- NY 4050 No.12, 300 meter

(3)
BILANGAN SEBUT HARGA
PLKPTB / T01 / L / 2019

KETERANGAN :
MEMBEKALKAN RUMAH TENUNAN 10 BUAH

Syarat-syarat Sebut Harga :

1. SEBUT HARGA adalah dibukakan kepada syarikat / pemborong yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

(a) Syarikat / pemborong yang menyertai sebut harga ini hendaklah menyertakan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan 16 & 17 dimasukkan dalam sampul sebut harga.

2. Setiap produk yang diberi sebut harga perlu lah meneliti dahulu bahan mentah atau contoh produk di Bahagian Perdagangan, aras bawah Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei.

3. Tempoh membekalkan setiap produk adalah 2 bulan dari tarikh surat anugerah diterima dan memberikan surat jaminan (*warranty*) minimal 3 bulan bagi produk yang dibekalkan.

4. Tarikh tutup sebut harga pada **26 Mac 2019, tidak lewat dari jam 2.30 Petang.**

5. Sebut Harga hendaklah dihantar di ruang legar utama Bangunan Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei dengan sampul berasingan mengikut tajuk tawaran iklan dengan menyatakan bilangan tajuk dipermukaan hadapan atas kanan sampul, berserta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti pembekal / pemborong dan dialamatkan kepada :

Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei
Jalan Residency
Bandar Seri Begawan, BS8110
Negara Brunei Darussalam.



JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM
KELAS : IV (III, IV & V) SAHAJA
KATEGORI :
[KA01 SAHAJA] - (KOD BAHARU)

TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :
30 MAC 2019 (SABTU)

TARIKH TUTUP TAWARAN PADA :
16 APRIL 2019 (SELASA),
JAM 2.00 PETANG

BILANGAN :
JKR / DDS 009 / 2019 - (CDE).T.IV
NAMA PROJEK :
PEMBINAAN KALBAT PELEPASAN
BANJIR DI SPG. 795,
JALAN JANGSAK

YURAN TAWARAN : BND500.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

YURAN E -DOKUMEN : N/A

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM
KELAS : IV (III, IV & V) SAHAJA
KATEGORI :
[KA01 SAHAJA] - (KOD BAHARU)

TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :
30 MAC 2019 (SABTU)

TARIKH TUTUP TAWARAN PADA :
16 APRIL 2019 (SELASA),
JAM 2.00 PETANG

BILANGAN :

JKR / DDS 010 / 2019 - (CDE).T.IV
NAMA PROJEK :
PEMBINAAN KALBAT PELEPASAN
BANJIR DI SPG. 884,
JALAN JANGSAK

YURAN TAWARAN : BND500.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

YURAN E -DOKUMEN : N/A

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM
KELAS : V (IV, V & VI) SAHAJA
KATEGORI :
[KA01 SAHAJA] - (KOD BAHARU)

TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :
30 MAC 2019 (SABTU)

TARIKH TUTUP TAWARAN PADA :
16 APRIL 2019 (SELASA),
JAM 2.00 PETANG

BILANGAN :
JKR / DDS 012 / 2019 - (CDE).T.V
NAMA PROJEK :
PEMBINAAN SALIRAN
DI KAWASAN JALAN JERUDONG,
FASA 1

YURAN TAWARAN : BND500.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

YURAN E -DOKUMEN : N/A

Syarat-Syarat Tawaran :

DOKUMEN-dokumen tawaran dan syarat-syarat bolehlah dilihat dan diperoleh dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.



KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

JABATAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN ANTARABANGSA KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

JAWATAN KOSONG DI PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU, NEW YORK

Jawatan :
Pegawai
Global Strategy and Policy Division (D2) di Department of Management Strategy,
Policy and Compliance Office of Human Resources

TARIKH TUTUP : 24 Mac 2019

UNTUK makluman, semua pencalonan atau pemohon-pemohon yang berminat hendaklah memohon melalui : <https://careers.un.org>



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

SYARAT-syarat untuk mengikuti tawaran kerja sebut harga adalah seperti berikut :

1. TAWARAN hanyalah dipelawa kepada syarikat-syarikat / pemborong-pemborong yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam. Sebahagian tawaran hendaklah berdaftar dengan Kementerian Pembangunan, menurut kelas-kelas dan kategori-kategori tertentu di Negara Brunei Darussalam sahaja, sepertimana yang dinyatakan di dalam iklan tawaran.

2. Tawaran-tawaran mestilah dibuat di atas borang-borang tawaran yang tercetak oleh kementerian ini dan penerangan lanjut bagi mengikuti sebut harga bolehlah datang terus ke Bahagian Bangunan dan Pemeliharaan, Blok 'A', Bangunan Perdagangan Baitulmal, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Kota Batu, BD1517, Negara Brunei Darussalam.

3. Para penender yang berhasrat untuk ikut serta dalam tawaran ini adalah disaran untuk mendapatkan maklumat, penerangan dan

syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran.

(1)
BIL. TAWARAN :
KHEU / BDP/ 164 / 359 / 2018

TAJUK :
RECTIFICATION OF WORKS AND
PAINTING WORKS AT MASJID
KAMPONG SERDANG,
MUKIM KOTA BATU,
DAERAH BRUNEI MUARA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TARIKH TUTUP :
RABU, 24 APRIL 2019, 2.00 PETANG

KELAS I & II DALAM
KATEGORI B 01 (4a) SAHAJA

YURAN TAWARAN :
(TIDAK DIKENAKAN BAYARAN)

Belia aset berharga negara



TAZKIRAH Subuh disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Awangku Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin bertajuk 'Shabab Prihatin : Paduli Saudaramu'.

Berita dan Foto :
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 10 Mac. - Belia merupakan aset yang sangat berharga bagi sesebuah negara.

Nasib sesebuah negara di masa hadapan bergantung kepada para belia yang dididik dan diterapkan bersama ciri-ciri kepimpinan yang

terbaik seperti yang terdapat pada diri Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, seperti sifat saling kasih mengasihi dan sayang menyayangi antara satu sama lain serta dapat menimbulkan kesedaran pada diri untuk membantu saudara seagama yang

memerlukan.

Perkara tersebut merupakan sebahagian daripada pengisian yang dikongsikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Awangku Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin pada siri Tazkirah Subuh di Masjid Omar 'Ali Saifuddin (MOAS) bertajuk 'Shabab Prihatin : Paduli Saudaramu'.

Tambahnya, Allah Subhanahu Wata'ala menjanjikan ganjaran yang besar di dunia dan akhirat bagi setiap hamba-Nya yang suka menghulurkan bantuan kepada saudaranya.

Hadir bersama-sama jemaah masjid bagi menjayakan Program Masjidku Makmur, Negara Berkat yang dikendalikan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama dan disokong oleh Jabatan Perdana

Menteri dengan kerjasama MOAS ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Setiausaha Tetap KHEU, Dato Seri Setia Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar dan Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang.

Kehadiran jemaah memakmurkan rumah Allah diharap akan dapat menghidupkan amalan sunnah Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan dapat menimbulkan rasa persamaan di antara umat Islam dalam melaksanakan sembahyang berjemaah dan amal ibadat bersama-sama.

Program berkenaan mengalu-alukan jemaah bagi memakmurkan masjid dan seterusnya secara istiqamah (berterusan) mendirikan Sembahyang Fardu Subuh secara berjemaah di awal waktu di masjid.

Dari muka 7

Program yang diadakan dengan sokongan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Kementerian Kesihatan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Pendidikan tersebut, antara lain bertujuan untuk mengumpulkan dana yang akan disalurkan kepada mangsa-mangsa bencana alam

di Sulawesi Tengah, Republik Indonesia juga golongan-golongan yang memerlukan di Negara Brunei Darussalam.

Ia juga bertujuan untuk menggalakkan masyarakat mengamalkan gaya hidup sihat dengan membangun kerohanian masyarakat juga membina dan mengeratkan silaturahim di antara Kumpulan Syababul Iman MSSA, Kampung Sengkurong dengan masyarakat dan agensi kerajaan juga bukan kerajaan.

Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Setiausaha Tetap KHEU, Dato Seri Setia Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang; dan Penghulu Mukim Sengkurong, Awang Haji Musa bin Haji Tahir @ Haji Siti.

Keluar dari rumah

Siaran Akhbar dan Foto :
Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 10 Mac. - Pasukan Polis Diraja Brunei memohon kerjasama dan bantuan orang ramai untuk mengesan seorang perempuan, 45 tahun, warganegara Brunei, Hajah Balqis binti Haji Md. Hussein, pemegang Pasport 00-255613 yang dilaporkan keluar dari rumah.

Jika sesiapa terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi Balai Polis Sengkurong melalui talian telefon +673 2661334 atau talian kecemasan 993 atau mana-mana Balai Polis yang berdekatan.



HAJAH Balqis binti Haji Md. Hussein, 45 tahun, warganegara Brunei, pemegang Pasport 00-255613.

Lari daripada majikan

Siaran Akhbar dan Foto :
Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 10 Mac. - Pasukan Polis Diraja Brunei memohon kerjasama dan bantuan orang ramai untuk mengesan seorang pekerja asing, lelaki, 36 tahun, warganegara Bangladesh, Md. Zahangir Alam, pemegang Pasport BF0643921, yang dilaporkan lari daripada majikan.

Jika sesiapa terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi Balai Polis Sengkurong melalui talian telefon +673 2242334 atau talian kecemasan 993 atau mana-mana Balai Polis yang berdekatan.



PEKERJA asing, lelaki, 36 tahun, warganegara Bangladesh, Md. Zahangir Alam, pemegang Pasport BF0643921, yang dilaporkan lari daripada majikan.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Pertahankan Permainan Tradisi Masyarakat Brunei'. Tarikh Tutup : 13 Mac 2019
2. 'Melestarikan Budaya Membaca'. Tarikh Tutup : 20 Mac 2019
3. 'Jaga Kebersihan Kawasan Pantai-Pantai Negara'. Tarikh Tutup : 27 Mac 2019

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan 15 hingga 25 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

Sidang Penerangan, Minda Pembaca,
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB3510,
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Majlis Khatam Al-Quran semarakkan sambutan HK35



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin (dua, kanan) hadir pada Majlis Khatam Al-Quran 35 Kali bagi Daerah Brunei dan Muara yang berlangsung di Masjid Setia Ali, Pekan Muara.

PEKAN MUARA, Sabtu, 9 Mac. - Amalan membaca Al-Quran sangat dititikberatkan bagi setiap umat Islam kerana Al-Quran menjadi sumber asas kepada manusia untuk dijadikan panduan dalam menjalani kehidupan dunia mahupun akhirat.

Penglibatan belia dan masyarakat dalam aktiviti diteruskan melalui Majlis Khatam Al-Quran 35 Kali secara serentak di keempat-empat daerah bagi menyemarakkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35 Tahun 2019.

Bagi Daerah Brunei dan Muara, hadir selaku tetamu kehormat pada majlis khatam yang berlangsung di Masjid Setia Ali, Pekan Muara di sini ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Juga hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil, Raes KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar; Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal, pegawai dan kakitangan kerajaan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dikepalai oleh tetamu kehormat, diikuti dengan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

bacaan Surah Ad-Dhuha hingga Surah Al-Massad yang diketuai oleh penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkiah dan diteruskan dengan bacaan Takhtim Al-Quran yang diketuai oleh mahasiswa UNISSA.

Doa Khatam dibacakan oleh Johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 2018, Awang Muhammad Sa'dun bin Suhaili manakala Dikir Marhaban diketuai oleh pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN).

Majlis diakhiri dengan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Selamatkan Negara Brunei Darussalam yang dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Setia Ali, Pekan Muara, Awang Nasehin bin Yahya.

Majlis ini merupakan salah satu inisiatif Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Kebangsaan yang dikendalikan oleh KKBS untuk kali keenam.

Di daerah ini, majlis melibatkan seramai 1,000 peserta lelaki dan perempuan, terdiri daripada Ahli-ahli Persatuan Belia dan Sukan; Pelatih PKBN; Pelatih Pusat Pembangunan Belia; Peserta Program Belia Cinta Tanah Air; Sukarelawan-Sukarelawan; Belia-Belia Masjid; Qari dan qariah Musabaqah Tilawatil Quran

Belia Kebangsaan; Mahasiswa dan mahasiswi Institusi Pengajian Tinggi; Penuntut-penuntut daripada Institusi Pendidikan Teknik Brunei, Sekolah Menengah dan Sekolah Agama; Agensi-agensi kerajaan dan swasta serta belia-belia perseorangan.

Antara tujuan majlis diadakan adalah untuk menyemarakkan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan dengan pengisian-pengisian yang bermanfaat, terutama dengan pembacaan Al-Quran, selaras dengan hasrat negara untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir, di samping untuk mempertingkatkan dan mengukuhkan persefahaman dan kerjasama di antara agensi-agensi yang terlibat dalam pembangunan dan tarbiah belia dan masyarakat, serta untuk menggalakkan penglibatan belia dan masyarakat dalam aktiviti keagamaan.

Penganjuran majlis seumpama ini diharap dapat meningkatkan lagi penglibatan belia dalam aktiviti keagamaan yang sudah setentunya berupaya menjadi benteng buat generasi belia, dalam menghadapi cabaran-cabaran yang mendatang, juga sebagai pelapis dan penyambung kepimpinan di masa hadapan.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil (depan, kanan) hadir pada Majlis Khatam Al-Quran tersebut.

PUISI

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Puisi awda hendaklah ditaip jarak langkau satu baris dan panjang tidak melebihi satu setengah muka surat A4.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap, dan nombor telefon mesti disertakan dan dihantar kepada :

**Sidang Pengarang, Ruangan Puisi
Bahagian Pelita Brunei**

**Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510**

**Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn**

BENDERA KITA

Bendera kita
Bendera bersama
Bendera yang nyata
Berkibar indah penuh ceria
Dengan penuh kegembiraan sesama
Yang sama-sama menuju cita-cita
Mendirikan anak bangsa.

Kerana,
Bendera kita,
Berkibar indah di puncaknya
Di bandar dan juga di desa
Di tengah mesyarakat tercinta
Ke arah memajukan bangsa dan negara.

Bendera kita,
Bersama panji-panji negara
Menyatukan bangsanya bersama
Ke arah satu tujuan berharga
Di bawah pimpinan seorang raja.

Bendera kita,
Berkibar di puncaknya,
Berlambangkan panji-panji negara
Semua rakyat menyanjungnya
Tidak kira di kota dan di desa
Tujuannya sama tiada berbeda.

DAERAH BERBANGSA

Daerah berbangsa,
Bermacam kaum dan bahasa
Empat daerah sangat ternyata
Kearah satu tujuan yang sama
Membangun bangsa dan negara.

Daerah berbangsa,
Bermacam puan dan ugama
Walau begitu semuanya sama
Seolah satu keluarga
Tidak mengira bangsa yang ada
Tetap bersatu tiada berbeda.

Kerana,
Daerah kita jauh berbeda,
Walau jauh senang bersama
Satu bangsa satu ugama
Halanya sama membangun negara
Membangun bangsa dan keluarga.

Namun,
Segalanya itu satu tujuan,
Segala pembangunan dapat dirasakan
Empat daerah dapat ditentukan
Tiada sedikit yang ketinggalan.

Tapi,
Segalanya itu persefahaman
Segalanya itu satu tujuan
Pemerintahan Baginda sangat diharapkan
Membangun bangsa jauh ke depan
Menuju wawasan yang ditentukan
Kearah kehidupan yang berwawasan.

BERBANGSA DAN BERNEGARA

Berbangsa,
Satu kehidupan bersama,
Ke arah satu kehidupan
bersama,
Ke arah satu tujuan berharga,
Membangun cita-cita bangsa.

Berbangsa
Melayu, Islam, Beraja
Di bawah pimpinan baginda,
Ke arah satu tujuan berharga,
Di bawah panji-panji
negara.

Bernegara,
Di bawah panji-panji bersama,
Membangun cita-cita anak bangsa,
Dari kota hingga ke desa,
Bersama bersatu menuju cita-cita,

Namun berbilang berbangsa,
Berbilang kepercayaan
dan ugama,
Tetap bersatu tiada berbeda,
Tiada sedikit cacat celanya.

**Nukilan : Adi Asma,
Beribi, Gadong.**



Oleh : Sastra Sarini Haji Julaini

MESYUARAT Pertama dari Permesyuaratan Ke-15 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) telah dibuka secara rasmi pada Khamis lalu di mana persidangan yang akan mengambil tempat dalam beberapa minggu ini akan membahaskan Anggaran Hasil dan Belanjawan Negara untuk Tahun Kewangan 2019 / 2020.

Apa yang dihasratkan ialah melihat persidangan ini untuk membincangkan isu-isu baharu yang membawa kesan kepada penjaan ekonomi negara lebih-lebih lagi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sejak beberapa tahun kebelakangan kurang memberangsangkan berikutan harga minyak global jatuh, terutamanya sebahagian besar dari pendapatan negara bergantung kepada hasil minyak dan gas.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa bertitah pada majlis pembukaan rasmi Mesyuarat Pertama dari Permesyuaratan Ke-15 MMN menekankan perkara ini.

"Dalam hal ini, kadar pengangguran yang kian meningkat di negara ini juga membimbangkan. Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah, ini tidak boleh dipandang ringan dan baginda mahu supaya ia dikaji dan dicari jalan penyelesaian sama ada dalam jangka pendek mahupun jangka panjang, termasuk turut dikenal pasti ialah sejauh manakah sumber tenaga manusia dari pusat-pusat pengajian tinggi tempatan mahupun luar negara yang 'marketable' dan relevan dengan situasi masa kini. Ini juga adalah sebahagian dari kebajikan rakyat yang mesti diutamakan."

Bincang isu-isu strategik

Dalam bidang ekonomi juga, negara tidak ketinggalan membina persekitaran yang kondusif di peringkat antarabangsa dengan menyertai beberapa perjanjian perdagangan bebas dengan rakan-rakan serantau dan antarabangsa bagi memberi peluang pasaran di negara-negara berkenaan.

Baginda juga menyeru kepada peniaga-peniaga tempatan untuk memanfaatkan kesempatan dari perjanjian-perjanjian ini dengan menaik taraf kualiti produk dan meningkatkan daya saing masing-masing yang secara tidak langsung dapat menyumbang kepada hasrat negara mempelbagaikan ekonomi. Ini, titah baginda, bertepatan dengan keperluan negara mempunyai *industry roadmap* bagi kelangsungan ekonomi dan industri.

Adapun rundingan-rundingan tersebut adalah seperti Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP), di mana rundingan RCEP akan dimuktamadkan tidak lama lagi. RCEP merupakan perjanjian ekonomi melibatkan antara negara-negara ASEAN dan Australia, China, India, Jepun, Korea dan New Zealand yang akan membuka perniagaan kepada lebih 3 bilion penduduk.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengambil maklum Ahli-ahli MMN telah mengadakan permuzakarah dengan kementerian-kementerian termasuk mengadakan lawatan-lawatan bagi mengetahui secara lebih dekat akan kedudukan projek-projek yang telah dilaksanakan oleh kerajaan

sama ada melalui Pelaburan Langsung Asing (FDIs), Public Private Partnership (PPP), syarikat-syarikat swasta dan syarikat-syarikat yang berkaitan dengan kerajaan (GLCs).

Dalam hubungan ini, baginda ingin menasihatkan Ahli-ahli Yang Berhormat supaya jangan mengemukakan soalan-soalan yang sudah pernah dibincangkan berulang kali tetapi berbincang mengenai perkara-perkara baharu seperti bagaimana menjana ekonomi dengan cara merencanakan lagi aktiviti-aktiviti mempelbagaikan ekonomi selaras dengan hasrat membina masa depan bangsa khas generasi muda.

Baginda juga berharap Persidangan MMN pada tahun ini akan dapat memberikan lebih tumpuan kepada perkara-perkara yang strategik bagi mengukuhkan lagi pencapaian-pencapaian negara, dan Ahli-ahli Yang Berhormat akan dapat mengemukakan pandangan-pandangan atau saranan-saranan di dalam semua bidang yang menjadi tanggungjawab kepada kerajaan tanpa tertentu kepada ekonomi semata-mata.

Mengenai generasi, titah baginda, kita semua sedia maklum bahawa golongan belia adalah aset negara, selaku jentera pembangunan. Justeru, kementerian yang berkenaan hendaklah memastikan bahawa para belia diberikan suntikan semangat untuk meneruskan agenda pembangunan tanpa bosan-bosan.

Baginda seterusnya bertitah bahawa ini adalah sesuai terutama dengan kepesatan teknologi yang membawa perubahan besar dalam kehidupan termasuk kemajuan industri digital yang memfokus kepada *internet of things artificial intelligence* dan seumpamanya di mana Fourth Industrial Revolution akan menjadi salah satu agenda utama dalam memperkasa masyarakat khususnya masyarakat penuntut, peniaga dan pihak kerajaan sendiri termasuk akan mengubah landskap kehidupan seharian. Pihak pengusaha pula juga perlu mengambil peluang dari Digital Economy sambil meraih peluang dari perdagangan

tanpa sempadan.

Berbalik mengenai perkembangan KDNK negara, terdapat sektor-sektor bukan minyak dan gas menunjukkan pertumbuhan positif seperti sektor perkhidmatan. Ini tentunya memerlukan Whole of Nation Approach kerana, seperti titah baginda, jika jentera paling hadapan yang dibarisi oleh para Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai kanan tidak menunjukkan kerjasama dan kesepakatan padu dalam merealisasikan Wawasan Negara, maka sudah pasti segala perancangan yang dibuat akan menjadi sia-sia.

Dalam hal ini, kadar pengangguran yang kian meningkat di negara ini juga membimbangkan. Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah, ini tidak boleh dipandang ringan dan baginda mahu supaya ia dikaji dan dicari jalan penyelesaian sama ada dalam jangka pendek mahupun jangka panjang, termasuk turut dikenal pasti ialah sejauh manakah sumber tenaga manusia dari pusat-pusat pengajian tinggi tempatan mahupun luar negara yang *marketable* dan relevan dengan situasi masa kini. Ini juga adalah sebahagian dari kebajikan rakyat yang mesti diutamakan.

Menyentuh mengenai kebajikan rakyat, turut terkandung ialah bantuan-bantuan dan subsidi-subsidi yang telah dihulurkan. Baginda menegaskan agar ia hendaklah dilaksanakan dengan teratur supaya tidak berlaku ketirisan atau penyalahgunaan di kalangan penerima.

Persidangan MMN sudah memasuki tahun ke-15 sejak ia dibuka semula pada 25 September 2004. Apa yang dihasratkan ialah persidangan ini akan membuahkan hasil serta memberikan kesan yang positif kepada pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat. Bincanglah perkara-perkara yang membawa perubahan sama ada untuk jangka pendek mahupun jangka masa yang panjang. Adalah diharap persidangan akan berjalan dengan lancar dan dalam suasana yang muhibah dan minda terbuka.

Minat fotografi?

LENSA

Pemenang minggu ini



Tajuk-tajuk yang akan datang ialah:

- 1) 'Aktiviti Cuti Persekolahan' - Tarikh Tutup : 23 Mac 2019
- 2) 'Pokok' - Tarikh Tutup : 13 April 2019
- 3) 'Amalkan Gaya Hidup Sihat' - Tarikh Tutup : 27 April 2019

Kesemua tajuk-tajuk hendaklah dihantar sebelum jam 12.00 tengah hari pada tarikh-tarikh berkenaan.

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.
2. Gambar yang dihantar hendaklah dalam format JPEG dengan ukuran gambar 7" x 5" 300 dpi dan disertakan penerangan ringkas tidak melebihi 50 perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar melalui emel


pelita.brunei@information.gov.bn

4. Jabatan Penerangan adalah dibenarkan untuk menggunakan gambar yang terpilih dalam mana-mana terbitan jabatan.
5. Gambar terpilih akan memenangi wang saku hati BND50.00

TAJUK : SUASANA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN

Keterangan gambar : Dua orang kanak-kanak ini, dengan semangat waja dan gembira, tidak ketinggalan mengibarkan bendera kecil di sambutan Hari Kebangsaan Ke-35 lepas.

Kamera : CANON EOS 5D MarkII, ISO 4000, f/5.6, 1/64sec
Nama Penuh : Haji Mohammad Yusof Mohammad Yassin. Alamat : No.28, Simpang 64-28, Jalan Pengasing, Kampung Sengkarai, Tutong TA2341 Brunei Darussalam.



اداب منزيارهي اورغ ساكيت

مغهادفكنن كاره قبله، يابت دغن ممبرايكنن قد روسوق سبله كاننن دان
مغهادفكنن موكانن كاره قبله. سنة دباچكنن ديسي اورغ ساكيت ايت سورة
يس دغن سوارا يغ دافة ددغر اوله اورغ لائن دان سورة الرعد دغن سوارا
فرلاهن يغ هان ددغر اوله ديرين سنديري.

مسلمين يغ درحمي الله،

عمالن منزيارهي اورغ ساكيت ايت بايق حكمه دان كليهنن، انتاران
اي دافة مغوكوهكنن تالي فرسوداران سسام اسلام، ملاهيركن راس كاسيه
ساينغ دان صفة بلس كاسيهن، سنتياس ايغة كقد الله سبحانه وتعالى، منداتكنن
كناصافن كقد ديرى كيت، ايغة كقد كمتين دان سزوسن مندوروغ كيت
انتوق برتوبه. الله سبحانه وتعالى منجنجكنن كنجارن يغ بسر باكي مريك يغ
منزيارهي اورغ يغ ساكيت. رسول الله صلى الله عليه وسلم برسيدا:

عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
يَقُولُ: مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَعُوذُ مُسْلِمًا عُدُوَّهُ، إِلَّا صَلَّى عَلَيْهِ سَبْعُونَ أَلْفَ مَلَكٍ
حَتَّى يُمْسِي. وَإِنْ عَادَهُ عَشِيَّةً إِلَّا صَلَّى عَلَيْهِ سَبْعُونَ أَلْفَ مَلَكٍ حَتَّى يُصْبِحَ.
وَكَانَ لَهُ خَرِيفٌ فِي الْجَنَّةِ. { رواه الإمام الترمذى }

مقصودن:

درفد على رضى الله عنه اي بركات: اكو مندغر رسول الله صلى الله
عليه وسلم برسيدا: تباد ستورغ مسلم ايت ملاوت ستورغ مسلم يغ ساكيت
قد وقت فاكي ملاينكن ميمتا امقون انتوقن توجه فوله ريو ملائكة هيغك
وقت فتح دان تباد دي ملاوتن قد وقت فتح ملاينكن ميمتا امقون انتوقن توجه
فوله ريو ملائكة هيغك وقت فاكي دان اداله باكين كبون تمقت ممتق بواه-
بواهن ددالم شرك.

فرلو دايقه، سماس منزيارهي اورغ ساكيت، كيت هندقله منجاك نيغكه
لاكو، دان توتور كات دغن بايك سرت تيدق ربوات بيسغ، بكتوله جوك
كادانن جك كيت منزيارهي اورغ ساكيت يغ براد دهوسقيلن اتو درومه
ساكيت. فاتوهيله فراتورن يغ تله دتقنن اوله فيهق يغ بركانن سقرت
مغيكوت جدوال ماس لاوتن يغ تله دتقنن.

اخيرن، جاديكنله عمالن منزيارهي اورغ ساكيت سباكي بودايا
كيت كران اي منجرمينكنن فرقادوان اومة اسلام دان دافة مميركنن بايق
فعاجران يغ برقاذه باكي كيت دان سام-سامله كيت بردعاء سموك
كيت سموا دكورنياكنن كصيحكنن دان كعايقن ددنيا سرت داخيرة. آمين
يا رب العالمين.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

الَّذِي خَلَقَنِي فَهُوَ يَهْدِينِ ﴿١﴾ وَالَّذِي هُوَ يُطْعِمُنِي وَيَسْقِينِ ﴿٢﴾

وَإِذَا مَرِضْتُ فَهُوَ يَشْفِينِ ﴿٣﴾ صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمِ

{سورة الشعراء آية ٧٨-٨٠}

تفسيرن:

توهن يغ منجيفتاكنن اكو مك ديهاله يغ مغورنياكنن هدايه كقد كو. دان
ديهاله يغ مغورنياكنن اكو ماكنن دان مينوم. دان جك اكو ساكيت، مك ديهاله
يغ ميمبوهكنن اكو.

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا
تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا قَوْمَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ
الْقَائِمِينَ.

برتقوى له كيت كقد الله سبحانه وتعالى دغن سبئر-بئر تقوى.
سسغوكوهن اورغ يغ فالينغ مليا ديسي الله سبحانه وتعالى اياه اورغ يغ
فالينغ برتقوى. مدهمدهنن كيت منجادي انسان يغ سنتياس مغايغاتي
الله سبحانه وتعالى دان ملقسناكنن سكل سوروهتن دان منيغكلكنن سكل
لارغتن. مدهمدهنن كيت براوله كحيانن دان كسلامتن ددنيا سرت داخيرة.

مسلمين يغ درحمي الله،

اكلام اسلام ساعه مغمبيل برت تنتغ كفتينغ مغايرتنن هوبوغن تالي
فرسوداران اتو صلة الرحم سسام مسلم. انتارا عمالن يغ بوله كيت
لاكوكنن باكي مغايرتنن لايي تالي فرسوداران سسام اسلام اياه دغن
منزيارهي سودارا ٢ كيت يغ سدغ ساكيت. رسول الله صلى الله عليه وسلم
اد برسيدا تنتغ انجورن دان كليهنن منزيارهي اورغ ساكيت. درقد حديث
يغ دروايتكنن اوله امام ترمذي، درقد ابو هريرة رضي الله عنه، رسول الله
صلى الله عليه وسلم برسيدا:

مَنْ عَاذَ مَرِيضًا أَوْ زَارَ أَخًا لَهُ فِي اللَّهِ، نَادَاهُ مُنَادٌ:

إِنْ طُبِّتَ وَطَابَ مُمْشَاكَ وَتَبَوَّاتُ مِنَ الْجَنَّةِ مَنْزِلًا

مقصودن:

سسياث يغ منزيارهي اورغ ساكيت اتو منزيارهي سوداران كران
الله نسجاي فهور (ملائكة) اكنن برسرو كقدان: ألغكه باكوسن اغكو،
ألغكه باكوسن فرجالننمو، تله ترسديا انتوقمو سبواه رومه ددالم شرك.

سسغوكوهن حكوم منزيارهي اورغ ساكيت اداله سنة مؤكدة، يابت
سنة يغ ساعه دتوتوتوت. منزيارهي اورغ ساكيت تيدق هان ترباتس
كقد كلوارك، صحابة دان جيران تنغكا يغ ساكيت سهاج، بهكن
دستكنن جوك منزيارهي سودارا اسلام يغ تيدق دكنلي حتى موسوه اتو
اورغ يغ فرته مباكيي دان منظالي كيت.

مسلمين يغ درحمي الله،

دالم منزيارهي اورغ ساكيت، كيت هندقله منجاك اداب ٢ن،
انتاران اياه:

كيت: اوجمككنله كات ٢ يغ ايلوق دان بايك يغ دافة مينغكنن، مغكميركنن
دان منتتزامكنن هاتي اورغ يغ ساكيت، بوككنن كات ٢ يغ تيدق دسوكاينن دان
يغ بوله مريساوكنن، ملمهكنن سماعه سرت منمبهكنن كساكيتنن.

كامفة: دستكنن انتوق مندعاءكنن اورغ ساكيت سفاي جفت سميوه.
سباكيمان حديث يغ دروايتكنن اوله ابن حبان، بهوا يكلندا نبي صلى الله عليه
وسلم بمياج دعاء اين سبايق توجه كالي كقد فساكيت، موهون كقد الله
سبحانه وتعالى انتوق ميمبوهكنن:

أَسْأَلُ اللَّهَ الْعَظِيمَ رَبَّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ أَنْ يَشْفِيكَ

مقصودن:

اكو موهون كقد الله يغ مها اكوغ، توهن يغ ميمليكي عرش يغ اكوغ،
سموك دي ميمبوهكنن مو.

كليما: جاغن برجريتنا تنتغ فركارا بوروق اتو عيب اورغ ساكيت كقد
اورغ لائن. هندقله دسمبوپيكنن سبارغ كبوروقن اتو كعيثن يغ دليهت.

كائم: باكي اورغ ساكيت يغ تباد هارنن سميوه اتو سدغ نزع، دتوتوت
كاتس اهل كلوارك اتو اهل تردكت انتوق مغايركنن اوجافنن لاله لا الله اكر
كلمه توحيد ترسيوت منجادي اوجافنن تراخير سيلوم اي منيغكل دنيا، سرت

IMBASAN MINGGUAN



Semai semangat patriotik pelajar SM PDSM

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Mac. - penuntut Tahun 7 Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja (SM PDSM) yang menghadiri program tersebut. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.



Bercemar duli bersama rakyat di Malaysia

KUALA LUMPUR, MALAYSIA, Selasa, 5 Mac. - Antara pelajar yang membuat persembahan di majlis tersebut. - Foto : Mohamad Azmi Awang Damit.



Kenal pasti pengetahuan mengenai ASEAN

SENGKURONG, Isnin, 4 Mac. - Antara penuntut Sekolah Menengah Sayyidina Husain yang menghadiri Jerayawara Kenali ASEAN. - Foto : Hamzah Mohidin.



YSHHB bantu pelajar sensori penglihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 4 Mac. - Antara yang hadir pada majlis tersebut. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.



MS ABDB menang 2 - 1

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 4 Mac. - Pemain pasukan MS ABDB (jersey merah) cuba merembat bola sambil cuba dihalang oleh pemain pasukan Kasuka (jersey hitam). - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.



Seminar sempena CIPTA

TUNGKU LINK, Khamis, 7 Mac. - Antara yang hadir pada seminar tersebut. - Foto : Marlinawaty Hussin.



Bay91cafe terokai pasaran Filipina

Oleh : Nur Amalia Alisha Daud
Foto : Ihsan Hajah Norbaizura binti Haji Bujang

JANGAN pernah memandang ringan pada hasil keuntungan sepuluh sen. Inilah ayat yang dipegang oleh pasangan suami isteri ini ketika mereka mengambil langkah untuk membuka restoran mereka sendiri di negara luar. Apa yang menjadikan mereka terpilih sebagai belia berwawasan kali ini ialah semangat mereka untuk tidak berputus asa walaupun mereka bukanlah daripada kalangan pengusaha yang mengharapkan pengaruh dari media sosial, namun itu tidak mematahkan semangat mereka untuk terus memberikan yang terbaik.

Kerana minat dalam bidang masakan, Ardy Yusi Azmande bin Haji Momin, 37 tahun memulakan Bay91cafe bersama isteri beliau, Hajah Norbaizura binti Haji Bujang di Kampung Mentiri. Setelah menjalankan kafe mereka hampir enam tahun, keduanya memutuskan untuk membuka cawangan baharu mereka dan lokasi yang menjadi pilihan mereka adalah Filipina.

Apa yang membuatkan keduanya memilih negara tersebut adalah kerana mereka ingin membantu masyarakat Muslim, terutama pelancong beragama Islam mendapatkan makanan halal dengan harga yang berpatutan. Bukan itu saja, keduanya juga ingin membawa masakan Brunei ke luar negara

dan memudahkan penggemar makanan Brunei yang berada di luar negara mendapatkan makanan kesukaan mereka seperti nasi katok Brunei, ayam masak merah dan bermacam jenis. Mereka juga menyediakan ruang solat bagi pelanggan mereka berikutan masjid yang jauh dari kawasan tersebut.

Bay91Manila yang terletak di Sampaloc, Manila, Filipina itu mula beroperasi pada awal Januari 2019 setelah mengambil masa enam bulan untuk persiapan pembukaan restoran mereka di Filipina. Keduanya sendiri tidak pernah menyangka restoran mereka mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat setempat dan segala proses pengurusan juga mudah dengan hasil bantuan daripada pihak berkuasa di Filipina.

Dalam perjuangan mereka untuk membangun perusahaan mereka sendiri, pasangan suami isteri ini mengakui perjalanan mereka tidak mudah yang dijangkakan, apalagi ketika mereka mula membuka restoran mereka di Filipina kerana perbezaan dari segi budaya dan bahasa sudah tentu menjadi cabaran kepada mereka. Namun yang menjadi kesukaran bagi mereka adalah meletakkan kepercayaan kepada pihak pengurusan yang mengendalikan restoran mereka. Mereka sendiri



DUTA Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Filipina, Puan Yang Terutama Dayang Hajah Johariah binti Haji Abdul Wahab semasa majlis perasmian Bay91Manila (atas). Sementara gambar bawah, kekuatan kerjasama di antara pasangan suami isteri ini, Ardy Yusi Azmande dan Hajah Norbaizura ialah memastikan mereka sentiasa saling menyokong dan sefahaman.

berdepan dengan individu yang tidak bertanggungjawab yang cuba menipu mereka, namun mereka tidak mengalah dan mengambil iktibar daripada kejadian tersebut agar tidak melakukan kesilapan sama.

Mereka bersyukur dengan sokongan ahli keluarga dan rakan-rakan yang tidak putus-putus dalam membantu mereka

untuk terus berjuang.

Pesanan mereka kepada para belia di luar sana agar tidak mengharapkan bantuan daripada orang lain dan buktikan belia juga mampu berusaha sendiri.

"Jangan memilih kerja. Kita boleh bermula dengan perkara kecil seperti menjalankan perniagaan aiskrim kerana

keuntungan yang kecil boleh bertambah jika kita rajin dan berdisiplin," saran keduanya.

Untuk mengikuti perkembangan Ardy Yusi Azmande dan Hajah Norbaizura, bolehlah mengikuti media sosial mereka di Instagram, @bay91cafe dan @bay91manila atau di Facebook : Bay Halal Manila.



ANTARA menu utama masakan Brunei yang menjadi tarikan utama Bay91Manila.



Politeknik Brunei utamakan program Teknikal Diploma Level 5

Oleh : Haji Ahmad Haji Salim
Sumber dan Foto : Politeknik Brunei
Infografik : Bahagian Pelita Brunei

SIRI III

Penghasilan Graduan Berkemahiran Dan Berkualiti Tinggi

ALHAMDULILLAH, Politeknik Brunei (PB) berjaya mencatatkan sejarahnya dengan mengadakan Majlis Konvokesyen Kali Pertamanya di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam pada 15 Januari 2015 Masihi bersamaan 24 Rabiulawal 1436 Hijrah. Pada majlis tersebut, seramai 582 graduan dari pengambilan pertama dan kedua telah menerima Sijil Diploma Lanjutan dari tetamu kehormat, mantan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Sehingga Januari 2017, PB berjaya mengendalikan tiga buah Majlis Konvokesyennya, iaitu bagi pelajar sesi pengambilan pertama hingga keempatnya, dengan jumlah keseluruhan graduannya seramai 1,282 orang. Pada Majlis Konvokesyennya Ke-4 yang di adakan pada 4 Disember 2018 sejumlah 750 orang graduan menerima penganugerahan sijil mereka.

Dari purata graduan yang telah menerima penganugerahan sijil mereka pada Majlis Konvokesyen Pertama, Alhamdulillah, kira-kira lebih 70 peratus graduan institusi ini berjaya mendapatkan pekerjaan di sektor kerajaan dan swasta dan juga melanjutkan pengajian mereka di institusi-institusi tinggi di dalam dan luar negara.

Pencapaian Dan Kejayaan PB

Antara mercu kejayaan yang telah dicatatkan sejarahnya sehingga akhir tahun 2018 oleh PB bagi mencorak perkembangan inovasi, pendidikan berkualiti tinggi dan dikenali di peringkat antarabangsa dan tempatan (Lihat Infografik).

Kolaborasi, Kerjasama dan Penglibatan Pihak Industri Bagi Menyumbang

Kepada Sumber Tenaga Manusia Negara

Dalam memastikan PB dapat melahirkan sumber tenaga manusia yang kompeten selaras dengan visi PB dan visi Kementerian Pendidikan sejurus dengan Wawasan Brunei 2035, PB giat mengadakan usaha sama dengan pihak industri yang berkepentingan di negara ini dan juga di peringkat global. Ini sejajar dengan usaha institusi ini untuk berada di landasan yang betul bagi sama-sama menghadapi isu Revolusi Industri Keempat yang menjadi isu perbincangan global masa kini.

Di samping itu, PB akan terus berusaha untuk mengikut peraliran masa terutamanya terhadap program pengajian akademik yang ditawarkan yang mana ia sentiasa dipantau dan diselidiki mengikut kehendak masa kini relevan kepada keperluan sosioekonomi negara dan global. Dalam memastikan perkara ini dapat direalisasikan dan bersesuaian dengan kemahiran dan keperluan industri pada masa kini, perubahan-perubahan dan pengenalan idea-idea baharu yang signifikan bagi kurikulum institusi ini sentiasa dibincangkan bersama pihak-pihak industri melalui mesyuarat-mesyuarat di peringkat 'External Review Committees (ERCs)' yang dilantik khas oleh PB.

Setiap External Review Committee yang dilantik oleh PB melibatkan ahli-ahli daripada majikan sektor kerajaan dan swasta dan bagi sama-sama memastikan isi kandungan program yang ditawarkan oleh institusi ini adalah mengikut keperluan industri.

Antara rakan kongsi atau *partners* yang telah dilantik adalah daripada pihak Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pertahanan,

PENCAPAIAN DAN KEJAYAAN POLITEKNIK BRUNEI

- Pengiktirafan persijilan piawaian antarabangsa International Organisation for Standardisation ISO 9001:2015 bagi program-program yang ditawarkan oleh Politeknik Brunei pada bulan November 2017, iaitu sebagai institusi pengajian tinggi pertama di negara ini yang dianugerahkan piawaian tersebut.
- Diisytiharkan sebagai ahli kepada Oracle Academy pada bulan Januari 2017.
- Penubuhan sebuah Politeknik Brunei Enterprise pada awal tahun 2017 bagi pengendalian sebuah *tuckshop* di Kampus Ong Sum Ping yang dioperasikan oleh pelajar-pelajar di bawah Sekolah Perdagangan dan Majlis Perwakilan Pelajarnya sebagai *real-life* projek keusahawanan di Politeknik Brunei.
- Mengadakan bidang kerjasama dan kolaborasi dengan pelbagai pihak di dalam dan luar negeri melalui penandatanganan Memorandum Persefahaman, yang turut memberi peluang pelajar untuk mengikuti pengajian dan peluang penempatan latihan / kerja sementara di luar negeri bagi memperluaskan dan memantapkan lagi perkhidmatan pengajaran dan pembelajaran di Politeknik Brunei dalam pelbagai aspek.
- Pelajar-pelajar Politeknik Brunei juga memang sangat aktif dalam mengadakan pameran-pameran pengkhususan, menjalankan projek 'Community Service Responsibility', terlibat dalam aktiviti kesukarelawan, serta mengikuti pelbagai pertandingan yang telah dianjurkan oleh pihak dalam dan luar negara. Alhamdulillah, daripada tahun 2012 hingga kini, penglibatan dan kejayaan yang telah dirai oleh pelajar-pelajar dan pihak Politeknik Brunei adalah sangat memberangsangkan.
- Penerimaan pelajar-pelajar antarabangsa untuk mengikuti pengajian di Politeknik Brunei.
- Menaikkan taraf program-program Level 4 Diploma yang ditawarkan di bawah Sekolah Sains Kesihatan kepada taraf program Level 5 Diploma mulai Julai 2018.

Singapura,

- Politeknik Kota Malang, Indonesia
- Universiti Teknologi MARA, Malaysia,
- University of Plymouth, United Kingdom,
- Teesside University, United Kingdom.

PB juga bekerjasama dengan Manpower Policy and Planning Unit (MPPU), Jabatan Perdana Menteri bagi mendapatkan maklumat mengenai keperluan sumber tenaga manusia dalam industri tertentu.

Perancangan PB Masa Hadapan Yang Lebih Mampan, Inovatif dan Dinamik

Dengan adanya sikap keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui titah-titah baginda terhadap keperluan kesejahteraan rakyat, kerjasama, sokongan dan perpaduan negara, rakyat jelata hendaklah sentiasa memberikan sokongan serta menunjukkan kecintaan kepada negara, raja dan agama serta rasa syukur yang hendaklah ditanamkan awal dalam hati, jiwa dan raga semua.

Pembangunan pendidikan negara telah banyak berubah dari semasa ke semasa dan PB sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang muda umurnya sentiasa memastikan perancangan dan penghasilan graduan mempunyai kualiti yang tinggi bagi menjaga pembangunan ekonomi dan industri negara dalam jurusan tertentu yang lebih mampan, inovatif dan dinamik. Pelbagai program dan projek telah dijalankan dalam bidang-bidang yang ditawarkan termasuklah kepentingan bidang keusahawanan bagi membantu dalam memastikan ekonomi berkembang maju ke hadapan dengan tidak mengharapkan hasil utama negara iaitu minyak dan gas.

Dengan perubahan masa yang sukar untuk diramal dewasa ini, PB terus mengorak langkahnya ke hadapan dengan perancangannya melalui Pelan Pembangunan Lima Tahunnya (Tahun 2015 - 2020). Pelbagai strategik baharu telah pun dirancang dan dijalankan bagi memastikan institusi ini terus meningkatkan kualiti pendidikan yang tinggi untuk menyediakan graduan bagi alam pekerjaan dan memberikan sumbangan dalam perkembangan tenaga kerja dengan kemahiran Abad Ke-21 yang diperlukan oleh pihak industri di Negara Brunei Darussalam dan terus mengembangkan usaha dari segi pembangunan dan penelitian program-program yang ditawarkan, dan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang ditawarkan pada masa hadapan agar ia sejajar dengan perkembangan global seperti era Revolusi Industri Ke-4 dan Wawasan Brunei 2035.



Brunei Darussalam Paintball Open 2019 dirasmikan



Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

JERUDONG, Sabtu, 9 Mac. - Paintball Arena @ Jerudong (PAJ) buat julung kalinya menganjurkan Brunei Darussalam Paintball Open (BDPO) 2019 bertempat di arena berkenaan bermula 9 hingga 10 Mac 2019.

Majlis pembukaan rasminya disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Pada majlis tersebut,

Yang Berhormat telah memotong reben perasmian dan beramah mesra bersama para peserta.

BDPO 2019 disertai seramai 23 buah pasukan terdiri daripada beberapa buah negara ASEAN, iaitu Indonesia, Malaysia, Thailand dan Negara Brunei Darussalam.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Perkhidmatan Teknikal Diraja Brunei (RBTS), Kolonel (B) Muzri bin Haji Mokhsin.

Perlawanan dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu Divisyen 1, Divisyen 2 dan Divisyen 3.

Acara turut disokong oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Jabatan Kemajuan Pelancongan; Persatuan Paintball Kebangsaan Brunei Darussalam (PANTAS) dan Raskal Sports, Malaysia.

MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin memotong riben sebagai merasmikan Kejohanan Paintball Terbuka Brunei Darussalam 2019.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan meninjau arena yang digunakan untuk Kejohanan Paintball Terbuka Brunei Darussalam 2019 di Paintball Arena, Jerudong (kiri), sementara gambar kanan, salah sebuah pasukan beraksi dalam perlawanan Paintball yang berlangsung sejurus selepas Majlis Pembukaan Rasmi kejohanan tersebut.



KETUA Pegawai Belia dan Sukan, Jabatan Belia dan Sukan, Pengiran Anak Mohd. Sofian bin Pengiran Anak Haji Ibrahim.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mac. - Sistem Perlesenan Pentadbiran (Licensing Administrative System) akan berfungsi sepenuhnya bagi membolehkan penghantaran dokumen-dokumen rasmi Kelab melalui dalam talian.

Dari itu, setiap Pengurus Perlesenan Kelab yang telah diamanahkan oleh Kelab diharap agar sentiasa peka dan akur dengan jaringan masa yang akan ditetapkan bagi penghantaran dokumen-dokumen berkenaan.

Ketua Pegawai Belia dan Sukan,

Sistem Perlesenan AFC penting bagi wakili negara

Berita dan Foto :
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Jabatan Belia dan Sukan, Pengiran Anak Mohd. Sofian bin Pengiran Anak Haji Ibrahim menekankan demikian semasa National and AFC Club Licensing Workshop Legal Criteria yang diadakan di Lecture Hall, Stadium Negara Hassanal Bolkiah kelmarin.

Pengiran Anak Mohd. Sofian juga menyampaikan ucapan tahniah atas lantikan-lantikan sebagai Pengurus Perlesenan Kelab dan berterima kasih kepada pihak Pasukan Polis Diraja Brunei kerana berkesudian membantu NFABD pada amnya dan kelab-kelab pada khususnya agar kelab-kelab ini akan menjadi kelab yang berdaftar secara sah di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Seminar Perlesenan Kebangsaan dan AFC ini tambahnya, telah berlangsung buat kali ketiga bermula dari penghujung 2018 dan juga akan ada beberapa seminar lagi yang akan dianjurkan untuk menaik taraf status kelab-kelab bola sepak di NBD.

Dalam seminar tersebut, Pengurus Perlesenan Kelab, Haji Mohammad Sahnnon bin

Haji Mohammad Salleh turut menerangkan mengenai Sistem Perlesenan Kelab Kebangsaan dan Kelab AFC.

Haji Mohammad Sahnnon ketika ditemu bual oleh Pelita Brunei berkata, NFABD sedang menekankan keutamaan *license to play*, dimana kelab-kelab itu nanti perlu ada lesen untuk bermain dan juga mewakili negara dalam kejohanan antarabangsa.

Legal Criteria tersebut lebih menjerumus kepada pakaian kelab yang berdasarkan kepada undang-undang NBD untuk menjaga keselamatan dan dasar struktur kelab.

Kesemua dasar berkenaan tambahnya, akan dibukukan sebagai landasan perjalanan kelab dan jua rujukan-rujukan kelab.

Secara umumnya, ujarnya, sistem perlesenan kebangsaan akan menjadikan kelab lebih maju dan menjerumus kepada profesional dan Sistem Perlesenan AFC pula akan membolehkan pasukan negara untuk bersaing di kejohanan Piala AFC pada tahun mendatang.

Adapun dua sistem yang



KETUA Pegawai Belia dan Sukan, Jabatan Belia dan Sukan bersama lain-lain jemputan hadir pada majlis tersebut.

digunakan adalah Sistem Perlesenan Kebangsaan yang digubal berdasarkan keperluan dan kepentingan seperti yang disarankan oleh AFC dan FIFA dan Sistem Perlesenan AFC merupakan sistem yang digubal oleh AFC bagi kelab-kelab yang berkemampuan dan yang akan mengikuti Piala AFC, peringkat kelayakan.

Sistem tersebut telah diimplementasikan dari tahun

lepas namun pembahagian lesen akan dijalankan tahun ini dengan harapan agar sistem tersebut dapat mencorak semula liga kebangsaan bermula tahun 2020 dan akan ada wakil kelab yang akan bersaing di peringkat kelayakan Piala AFC pada tahun 2020.

Selain itu, NFABD juga akan terus membantu sedaya mungkin agar kelab-kelab berkenaan akan dapat menepati sasaran kriteria kebangsaan.

Sukan

INFO SUKAN

SATU-satunya peserta dari Negara Brunei Darussalam, Muhd. Adib bin Pehin Haji Sulaiman menewaskan Rungrot Posi, peserta dari Thailand pada Mix Martial Arts (MMA) One Warrior Series yang diadakan di Republik Singapura baru-baru ini.



ePaper Pelita Brunei

Md. Shahwal johan Tenpin Bowling HK35

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 10 Mac. - Kejohanan Tenpin Bowling Sempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35 bagi tahun 2019 anjuran Kongres Tenpin Bowling Negara Brunei (NBDTBC) yang bermula 28 Februari lalu di Pusat Bowling I-Bowl, berakhir dengan Majlis Penyampaian Hadiah kepada para pemenang.

Hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan penyampaian hadiah ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Terdahulu, acara dimulakan dengan perlawanan penentuan bagi merebut tempat pertama

kejohanan bagi Kategori Perseorangan antara Md. Shahwal bin Mustapa dan Awangku Haziqquddin Shah Wardi bin Pengiran Anak Hishamuddin Shah Mardi. Manakala perlawanan bagi Kategori Kumpulan telah diadakan Ahad lepas, 3 Mac 2019.

Johan Kategori Perseorangan disandang oleh Md. Shahwal bin Mustapa setelah berjaya meraih 221 jatuhan pin manakala Awangku Haziqquddin Shah Wardi bin Pengiran Anak Hishamuddin Shah Mardi meraih Naib Johan dengan 202 jatuhan pin.

Pemenang tempat ketiga Kategori Perseorangan dimenangi oleh Awang Ahmad Hajizi bin Awang Haji Bakar dengan 180 jatuhan pin.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin bergambar ramai bersama para pemenang bagi Kategori Perseorangan, iaitu Johan, Md. Shahwal bin Mustapa; Naib Johan, Awangku Haziqquddin Shah Wardi bin Pengiran Anak Hishamuddin Shah Mardi; dan tempat ketiga, Awang Ahmad Hajizi bin Awang Haji Bakar.

Bagi Kategori Kumpulan pula, Johan diraih oleh Kumpulan POA, Naib Johan Kumpulan NSDY manakala tempat ketiga dan keempat masing-masing dimenangi oleh Kumpulan PBBM 2 dan Kumpulan CKT Bowlers.

Sementara itu, Dayang Fatin Adilah binti Haji Mahadi memenangi High Series Wanita setelah berjaya meraih 765 jatuhan pin manakala High Series Lelaki diraih oleh Mohd. Al-Amin bin Haji Abd. Hamid dengan 683 jatuhan pin.

Kategori Wanita pula dimenangi oleh Hajah Ardiah binti Haji Serbini manakala Kategori Senior disandang oleh Mohammad bin

Waslee dan Pengiran Haji Yasfadhilah bin Pengiran Haji Md. Yassin memenangi Kategori Graded.

Terdahulu dalam ucapan Pengerusi Kejohanan, Pengiran Mohammad Rudisofy bin Pengiran Haji Tajuddin antaranya menjelaskan, NBDTBC sedang giat mengadakan sesi latihan intensif bagi para atlet untuk memupuk semangat yang ada dalam diri atlet selain membimbing mereka bagi membolehkan menyertai Sukan SEA tahun ini, serta kejohanan-kejohanan antarabangsa yang lain pada tahun 2019 dan tahun-tahun akan datang.

Lebih daripada 50 peserta mengikuti kejohanan ini yang terdiri daripada peserta-peserta di keempat-empat daerah.

Antara tujuan kejohanan adalah bagi mengeratkan silaturahim antara para pemain dan komuniti bowling di samping meningkatkan mutu bowling di negara ini dan juga untuk mempertingkatkan lagi bakat dan keupayaan para pemain bowling tanah air bersaing di peringkat antarabangsa.

Acara ini merupakan julung kali dianjurkan oleh Kongres Tenpin Bowling Negara Brunei (NBDTBC) sejak penubuhan semulanya pada tahun 2018 yang lalu.

Bantu tingkat kemahiran pelajar



GURU Sekolah Rendah Delima Satu, Dayang Hartini binti Haji Ibrahim semasa ditemu bual.

Berita dan Foto : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mac. - Bagi memberikan pendedahan ilmu teori dan praktikal yang lebih luas dalam kemahiran, teknik, taktik dan strategi dalam bermain juga latihan-latihan sukan bola jaring, Persatuan Bola Jaring Kebangsaan Brunei (Brunei

Netball Association - BNA), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama NETFIT, Australia meneruskan lagi Bengkel Bola Jaring bertempat di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, kelmarin.

Antara sekolah yang hadir menyertai bengkel tersebut ialah Sekolah Rendah Delima Satu.

Menurut Guru Sekolah Rendah Delima Satu, Dayang Hartini binti Haji Ibrahim semasa ditemu bual Pelita Brunei kelmarin, seramai 10 orang murid Tahun 4, 5 dan 6 menyertai bengkel berkenaan.

Bengkel tersebut jelasnya, akan dapat membantu pasukan bola jaring sekolah untuk mengaplikasikan apa yang mereka pelajari pada hari ini kepada sesi-sesi latihan atau sewaktu CCA yang diadakan setiap Isnin di sekolah tersebut.

Fasilitator bengkel berkenaan, Sarah Wall merupakan Pengasas NETFIT yang diundang khas dari Australia, iaitu salah seorang pemain elit Bola Jaring Kebangsaan Australia.

Beriadah uji minda, ketahanan fizikal



LEBIH 200 peserta menyertai perlumbaan Brunei Amazing Race 2019 anjuran Le Voeu Events Company bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 10 Mac. - Lebih 200 peserta menyertai perlumbaan Brunei Amazing Race 2019 anjuran Le Voeu Events Company bertempat

di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, di ibu negara, di sini.

Pengarah Eksekutif, Jade Liew dalam ucapan ringkasnya berkata, Brunei Amazing Race dianjurkan sempena sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35.

Sejurus selepas itu, pelepasan perlumbaan dilancarkan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak.

Perlumbaan ini menggabungkan soalan kuiz tentang sejarah Brunei, permainan fizikal yang menyeronokkan, aktiviti serta gabungan beberapa permainan tradisi lama.

Para peserta diuji dengan pengetahuan, kelajuan, kerjasama, perancangan sebagai satu peluang yang baik bagi peserta menghabiskan masa dengan rakan-rakan atau keluarga mereka dengan cara yang menyeronokkan dan bermanfaat.

Hanya satu kategori yang dipertandingkan dengan membuat sembilan perhentian, di mana tiga kumpulan yang berjaya menghabiskan semua soalan dengan pantas akan mendapat hadiah-hadiah berupa voucher hotel, spa dan gim.

Brunei Amazing Race 2019 disokong oleh Kementerian, Kebudayaan, Belia dan Sukan.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

GANJARAN BESAR KEPADA MEREKA YANG SUKA HULURKAN BANTUAN

دتر بیتکن اوله جباتن قنراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرچیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam